ثتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEJAJAR dengan keperluan-keperluan utama, kerajaan telah dan sedang menangani, bagaimana untuk mempercepatkan lagi penyediaan perumahan awam yang bersesuaian." - Petikan Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-64 pada 15 Julai 2010.

Pelita Brunei

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

" DARI Abi Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Dan haji yang mabrur itu yakni yang diterima itu tiada balasan baginya selain Syurga."

- (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

TAHUN 55 BILANGAN 101 | 1431 ذوالقعده 19 | 27 OKTOBER 2010 | Pelita Online Harian : http://www.pelitabrunei.gov.bn | Emel : pelitabrunei@information.gov.bn | Hotline : 2383941 Faksimile : 2381004 | EDISI RABU PERCUMA

Kebawah DYMM mengurniakan kunci kepada 141 orang penerima

Kesejahteraan, keselesaan rakyat diutamakan

RAJA PENYAYANG ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para penduduk semasa baginda berangkat bercemar duli ke rumah seorang penerima. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said. *(Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 3, 12 dan 13).*

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Nooratini Haji Abas

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 26 Oktober. - Hasrat 141 pemohon di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong untuk memiliki rumah sendiri akhirnya terlaksana dengan sempurnanya penganugerahan anak-anak kunci rumah masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan seterusnya menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah tersebut.

Ke muka 12 & 13

Interaksi raja bersama rakyat

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 26 Oktober. - Beberapa penerima anak-anak kunci rumah jenis 'E' bagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas 'A' amat beruntung kerana rumah yang baru mereka miliki dikunjungi oleh raja yang dikasihi oleh penduduk negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bercemar duli selepas berkenan menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah STKRJ Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong bagi Daerah Brunei dan Muara, di Dewan Sekolah Vokasional Wasan, Kampung Limau Manis, di sini.

Baginda berkenan berangkat singgah ke kediaman Dayang Mariani binti Mohamed, Awang Jabidi bin Haji Mail/Ismail serta ke rumah Awang Md. Zefrie bin Abidin.

Ke muka 12 & 13

DI DALAM

MUKA 12 & 13

MENGUTAMAKAN kesejahteraan rakyat

MUKA 4

852 dikurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam

Projek penanaman padi seluas 70 hektar dilancarkan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Nooratini Haji Abas

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Pelancaran Pembukaan Kawasan Kemajuan Pertanian, Projek Penanaman Padi Batang Perhantian, di sini.

Kawasan Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Batang Perhantian berkeluasan kira-kira 70 hektar, akan diusahakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) serta peladang dan akan dimajukan sepenuhnya dengan menggunakan mekanisasi dan penggunaan teknologi-teknologi tinggi dalam penanaman padi.

Di samping itu seluas 20 hektar kawasan di Sekolah Vokasional Wasan juga dibuka oleh JPA untuk diusahakan oleh para penuntut di sekolah berkenaan.

Ke muka 24

'HINDARI JENAYAH KELUARGA BAHAGIA'

Pesanan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei

Talian Kecemasan 993

SIAP SEDIA HADAPI CABARAN MENDATANG

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

TERLEBIH dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Pengajur yang telah berjaya mengungkayahkan majlis sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi Kementerian Kesihatan pada petang ini dan juga kepada Jawatankuasa Induk Ugama dan Sosial di kementerian dan di peringkat jabatan atas usaha mengatur dan mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan serta amal kebajikan di sepanjang bulan Ramadan *Mubarak* yang lepas dan diteruskan pada bulan Syawal mulia ini. Semoga usaha-usaha yang berkebajikan itu akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal dan mendapat keberkatan dan rahmat-Nya.

Dalam kesempatan ini, saya dan isteri ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua lapisan warga Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Adalah diharapkan majlis seperti ini akan dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk mengeratkukuhkan lagi silaturahim dan rangkaian kerja di antara kita semua disamping memupuk lagi semangat kerjasama dan kesepaduan sebagai satu pasukan demi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan Kementerian Kesihatan yang lebih efisien dan efektif.

Saya ingin mengucapkan syabas atas penyertaan ke semua jabatan dalam sama-sama memeriahkan dan menceriakan suasana majlis ini yang mana formatnya mempamerkan satu keunikan dan kreativiti dalam mempromosikan pelbagai tradisi serta hidangan. Kejayaan majlis ini adalah hasil kerjasama dan permuafakatan kesemua jabatan. Ciri-ciri murni lagi terpuji seperti ini sepatutnya dijadikan amalan dalam apa jua tugasan, projek atau program untuk meraih kecemerlangan dan kegemilangan. Bak kata pepatah *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing* dan *Muafakat Membawa Berkat.*

Atas tanda ingatan dan keprihatinan, bersempena bulan Ramadan dan Syawal ini, beberapa majlis kebajikan di hospital-hospital di setiap daerah dan beberapa jabatan telah dapat diungkayahkan walaupun menghadapi kesibukan dalam menjalankan tugas-tugas harian masing-masing. Dalam perkara ini, sumbangan pihak berkenaan dan juga para individu amatlah dihargai kerana ia memberi makna kepada pesakit-pesakit yang menjalani rawatan. Setentunya majlis berkebajikan seperti ini akan dilipatgandakan dan diteruskan lebih sempurnanya di mana ianya adalah juga satu cara pemedulian dan rasa tanggungjawab kita terhadap golongan pesakit-pesakit, di samping dalam usaha menceriakan mereka yang berkenaan serta memohon petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahi rahmat dan keberkatan atas usaha-usaha berkebajikan ini.

Alhamdulillah, dengan berkat kerjasama antara warga Kementerian Kesihatan dari pelbagai disiplin, iaitu dari perkhidmatan-perkhidmatan perubatan, kesihatan, pengurusan dan pentadbiran, perkhidmatan di kementerian ini telah dapat diperluaskan dan perkukuhkan. Namun kita sama-sama menyedari bahawa dalam kita bergerak maju ke hadapan, kita tidak lepas dari pelbagai cabaran dan dugaan yang seharusnya kita tanai bersama. Saya percaya dengan adanya kesepaduan, kemuafakatan, dedikasi dan komitmen di semua peringkat dan dengan kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, setiap cabaran semasa dan mendatang akan dapat kita tangani dan atasi bersama dengan jayanya, insya--Allah.

Sayugia diingatkan supaya kita sentiasa siap sedia untuk berhadapan cabaran yang mendatang dengan meningkatkan ikhtiar, keupayaan, profesionalisme dan elakkan kealpaan. Kepimpinan yang bijaksana adalah penting di semua peringkat pengurusan dan saya harap kumpulan ini akan sentiasa membuat rancangan secara teratur bagi meningkatkan perkhidmatan dan memantau secara berterusan mana-mana kepincangan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya secara titih dan lutanan. Mana-mana permasalahan hendaklah ditangani dan diambil tindakan dengan segera dan secara profesional supaya tidak berlarutan dan menjejaskan kualiti perkhidmatan khususnya bagi perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam secara langsung.

UCAPAN Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1431 Hijriah pada hari Ahad, 3 Oktober 2010 Masihi bersamaan 24 Syawal 1431 Hijriah.

Menyebut tentang wawasan negara, alhamdulillah kita di kementerian ini telah mengatur strategi-strategi utama untuk mendukung wawasan ini khususnya bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini. Ke arah ini, kita di kementerian ini akan terus berusaha mencapai pengiktirafan, akreditasi dan piawaian yang bertaraf antarabangsa dalam bidang-bidang perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, saya menyeru supaya perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan di kementerian ini akan terus gigih menggandakan usaha melaksanakan langkah-langkah pembaikan bagi mencapai hasrat ini, kita mahukan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti dan melalui pengiktirafan inilah dapat dinilai tahap pencapaian perkhidmatan berkenaan di samping bertujuan untuk mengukuhkan lagi keyakinan bukan sahaja kepada warga kementerian yang memberikan perkhidmatan bahkan yang lebih penting kepada orang ramai dan *stakeholders*.

ADALAH disarankan semua peringkat pegawai dan semua warga kementerian termasuk dalam pelbagai bidang profesion masing-masing akan sentiasa patuh kepada disiplin dan beretika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut profesion masing-masing. Ini termasuklah juga mematuhi standard prodecure ataupun garis panduan yang telah ditentukan. Waktu bekerja atau mengikut shift yang telah ditentukan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan terjejasnya perkhidmatan yang diberikan. Jika disiplin dan etika kerja diabaikan ini sudah setentunya akan memberikan kesan yang negatif dan boleh menjejaskan perkhidmatan, kredibiliti serta imej Kementerian Kesihatan.

Adalah disarankan semua peringkat pegawai dan semua warga kementerian termasuk dalam pelbagai bidang profesion masing-masing akan sentiasa patuh kepada disiplin dan beretika dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut profesion masing-masing. Ini termasuklah juga mematuhi *standard prodecure* ataupun garis panduan yang telah ditentukan. Waktu bekerja atau mengikut *shift* yang telah ditentukan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan terjejasnya perkhidmatan yang diberikan. Jika disiplin dan etika kerja diabaikan ini sudah setentunya akan memberikan kesan yang negatif dan boleh menjejaskan perkhidmatan, kredibiliti serta imej Kementerian Kesihatan.

Saya menaruh harapan tinggi supaya semua warga Kementerian Kesihatan akan terus tekun dan gigih untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan masing-masing menuju ke arah kecemerlangan. Setiap warga kementerian ini hendaklah terus memberikan sumbangan khidmat bakti masing-masing di mana boleh menjadi nilai tambah dalam sama-sama berusaha meningkatkan prestasi dan perkhidmatan yang berkualiti, efisien dan efektif. Kita juga mesti memantapkan lagi cara kerja berpasukan serta tahap profesionalisme dan melahirkan suasana kerja yang harmoni bagi meningkatkan hasil dan kualiti kerja. Ciri-ciri profesionalisme dan beretika untuk terus ditegakkan supaya khidmat yang diberikan tidak dipertikai. Setiap pegawai dan kakitangan diharap akan dapat menghayati dan mengamalkan Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam kerana dengan ini, kita akan memperolehi keyakinan orang ramai serta memartabatkan lagi imej dan nama baik Kementerian Kesihatan.

Sidang Pengarang

Pemberitaan/Rencana

Zabaidah Haji Salat
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Siti Zuraihah Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani
Shari Haji Garib,
Aryentty Haji Ariffin,
Nurhidayah Haji Kamis

Ketua Penyuntingan

Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,
Haji Jaafar Haji Ibrahim

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh, Aliddin Haji Moktal

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Yahya Haji Putra, Ramlah Md. Noor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli,
Nur Hidayati Haji Haris,
Siti Nadieya Haji Rahime,
Ak. Muhd Khairul Anuar Pg. Badaruddin

Penyelaras dan Reka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Siti Rahmah Haji Abd.
Hamid, Rosnah Jaludin, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh,
Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinin, Mohammad Izzuddin Jeffree

27 OKTOBER 2010 BERSAMAAN 1431 19 ذوالقعده

JANGAN GUNAKAN KUASA SEWENANG-SEWENANGNYA

SEMUA warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) diingatkan supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan kuasa yang diberikan kepada anggotanya demi kepentingan seseorang dengan melakukan rasuah, penyelewengan, penipuan dan mementingkan diri sendiri. Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam DCP Dato Paduka Awabg Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu dalam menekankan perkara itu mengingatkan sekeras-kerasnya bahawa kuasa dan tanggungjawab yang diberikan adalah satu amanah yang tidak boleh disalahgunakan dengan apa cara sekalipun kerana ianya melanggar Akta PDB Penggal 50. Mana-mana pegawai polis yang didapati cuba atau menyalahgunakan kuasa akan diambil tindakan disiplin yang tegas. Kerabat PDB sepatutnya meningkatkan lagi mutu disiplin mereka, mengamalkan sikap tidak pilih kasih serta tidak memperalatkan orang lain demi kepentingan sendiri.

Kita melihat peringatan keras yang ditekankan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis adalah amat wajar sekali kerana anggota PDB adalah penegak undang-undang Negara Brunei Darussalam. Adalah tidak logik sebagai penegak undang-undang yang meng'ulu'kan dan melakukan perkara-perkara atau aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan negara. Walhal warga PDB selayaknya menyanjung tinggi dan mendaulatkan undang-undang negara dan bukannya bertindak sebagai pelaku. Peringatan ini juga amatlah tepat sekali di mana adanya anggota PDB yang telah sabit kesalahan di mahkamah melakukan rasuah dan lain-lain jenayah. Perkara ini adalah sangat memalukan dan ianya tidak seharusnya berlaku dalam pasukan berkenaan yang mempunyai tahap disiplin yang ketat dan tinggi.

Peringatan seperti ini juga dititahkan berkali-kali oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah terakhir baginda titahkan mengenai perkara itu ialah semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 16 September 2010. Antara lain baginda bertitah menekankan: "Peraturan dan undang-undang adalah jiwa kepada masyarakat. Tanpa peraturan dan undang-undang, masyarakat akan lemah dan tidak dihormati. Oleh itu jentera penguasaan mestilah kuat, tidak boleh lemah. Kerana jika lemah, negara dan masyarakat akan terjejas teruk."

Harapan menggunung yang kita harap-harapkan agar anggota PDB mulai dari sekarang perlu bersikap peka, jujur, amanah dan bersopan santun dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang digayutkan kepada mereka sekalian sebagai seorang anggota polis. Dalam waktu yang sama, sesuai dengan era masa kini, perlunya para anggota berkenaan mengamalkan etika kerja yang profesional, berdaya saing dan bersedia kepada sebarang perubahan yang memerlukan anggota pasukan untuk mengambil tindakan relevan. Di samping sentiasa mempertingkatkan lagi 'interpersonal skills' bagi berinteraksi dengan masyarakat dan orang ramai.

Selain daripada itu sudah sampai masanya bagi anggota PDB bertindak dengan bijaksana dan profesional. Tegasnya dalam menjalankan apa jua tindak-tanduk hendaklah bersandarkan lunas-lunas yang betul, adil dan tidak berat sebelah serta yang penting hendaklah menggunakan pemikiran yang waras dan pertimbangan yang wajar supaya dapat menghasilkan keputusan yang betul dan adil. Kerana sebarang kesilapan yang membawa padah yang sangat perit terutama membawa impak yang buruk secara langsung dan tidak langsung kepada imej dan kredibiliti PDB di mata masyarakat dan pihak awam.

Ingatlah bahawa PDB menghendaki pegawai-pegawai dan anggotanya yang sentiasa berdisiplin dan sentiasa memberikan perkhidmatan yang bersandarkan nilai-nilai adil saksama dan tidak pilih kasih. Mereka juga perlu mengamalkan sifat amanah dan menjauhi daripada sebarang apa jua aktiviti yang boleh menjurus kepada kegiatan rasuah dan penyelewengan. Perlu diingat tiada tempat dalam PDB bagi mereka yang menjejaskan imej dan kredibiliti pasukan. Sentiasa mengutamakan komitmen, dedikasi, disiplin dan integriti dalam PDB.

- KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.

Berkenan rasmikan Bangunan Sumbangsih Bahagia

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Nooratini Haji Abas
Foto :
Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Oktober. - Para peniaga di negara ini dapat mengembangkan perusahaan mereka dengan lebih selesa dan seterusnya menyumbang pada ekonomi negara ini melalui kemudahan yang terdapat di Bangunan Sumbangsih Bahagia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat melawat dan seterusnya merasmikan bangunan tersebut yang terletak di Kompkes Perindustrian Beribi, Gadong.

Majlis perasmian bangunan tersebut dibuat sejurus selepas baginda menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong bagi Daerah Brunei dan Muara, berlangsung di Dewan Sekolah Vokasional Wasan, Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu.

Bangunan Sumbangsih Bahagia dibina di atas tapak seluas lebih empat ekar dengan menelan belanja BND2.4 juta dan menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan, perbankan dan otomobil termasuklah *HSBC Finance (Brunei) Berhad, Momo Corse Auto Company,* Perbadanan TAIB, Takaful IBB Berhad, Baiduri *Finance Berha* dan GHK *Group of Companies* serta *Proinsure Enterprise.*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengakhiri lawatan dengan dijunjung berangkat bagi santap di Dewan Sejahtera Kompleks Perindustrian Beribi II, yang terletak di bangunan berkenaan.

GAMBAR-GAMBAR merakamkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat melawat ke unit-unit yang menjalankan perniagaan di Bangunan Sumbangsih Bahagia sejurus selepas merasmikan bangunan tersebut.

852 dikurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam

GAMBAR-GAMBAR merakamkan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Saerah Haji Abd Ghani
Foto : Masri Osman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 852 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-64.

Berangkat mengurniakan pingat-pingat kehormatan negara tersebut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Istiadat pengurniaan pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului pengurniaan pingat-pingat itu adalah pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 86 orang penerima dengan yang didahului oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Sementara Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) pula dikurniakan dan diterima oleh sejumlah 336 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan dari pelbagai kementerian dan jabatan dengan mendahului senarai penerima ialah Dr. Haji Mohammad Kartono Ibnoe dari Kementerian Kesihatan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia juga mengurniakan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada 430 orang penerima juga terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan.

Bagi memberkati istiadat pengurniaan pingat itu, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir di istiadat pengurniaan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, diplomat-diplomat asing dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



837 dikurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berangkat ke Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai dan kakitangan kerajaan (atas, atas kanan, tengah kanan dan kanan).

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid,
Aimi Sani
Foto :
Masri Osman,
Abdul Kadir Md. Tahir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 OKtober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 837 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-64.

Berangkat mengurniakan pingat-pingat tersebut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Istiadat pengurniaan pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului pengurniaan pingat-pingat itu ialah pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 94 penerima, diikuti pengurniaan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada 441 penerima terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia berkenan pula mengurniakan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada 302 orang penerima juga terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

Bagi memberkati istiadat pengurniaan pingat, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir di istiadat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan diplomat-diplomat asing serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

BERANGKAT sama di istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan.

80 peratus kematian pramasa disebabkan penyakit kronik

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof semasa beramah mesra dengan warga tua sempena Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat Sengkurong, di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abd. Hamid

JERUDONG, Ahad, 24 Oktober. - Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 80 peratus kematian pramasa (*premature deaths*) adalah disebabkan penyakit-penyakit kronik seperti penyakit jantung dan strok yang boleh dicegah dengan amalan cara hidup sihat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof ketika berucap demikian semasa melancarkan Program Mukim Sihat Sengkurong, di kawasan Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong menyatakan melalui hasil penemuan daripada program pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan ke atas warga Perkhidmatan Awam daripada 7,609 orang peserta, menunjukkan 63.4 peratus daripada peserta-peserta adalah *overweight* (mempunyai berat badan berlebihan) atau obesiti (gemuk) dan 55.2 peratus mempunyai paras kolesterol yang berlebihan.

Kedua perkara ini katanya, merupakan faktor-faktor risiko bagi penyakit jantung, manakala di kalangan kanak-kanak sekolah pula didapati bahawa kadar *overweight* ialah 14.1 peratus dan obesiti 12.1 peratus.

Daripada perangkaan ini jelasnya, tahap kesihatan di kalangan kedua kumpulan adalah membimbangkan dan tindakan secara bersepadu perlu diambil untuk menangani isu ini.

Justeru tambah Yang Berhormat, "Program ini berhasrat untuk memberikan pengetahuan, meningkatkan kesedaran masyarakat setempat akan pentingnya menjaga kesihatan dan mencegah penyakit-penyakit kronik iaitu melalui amalan cara hidup sihat dengan mengamalkan pemakanan sihat, melakukan kegiatan fizikal secara *regular*, mengelakan daripada melakukan perkara-perkara yang membawa risiko tinggi kepada kesihatan seperti merokok."

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan program tersebut dihasrat untuk memupuk kerjasama di antara pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dengan pihak bukan kerajaan, swasta dan orang ramai bagi memperkesankan lagi komitmen dalam menerapkan cara hidup sihat sebagai budaya kehidupan seharian.

Menyentuh mengenai restoran-restoran dan pengurus-pengurus katering, Yang Berhormat mengambil maklum bahawa Bengkel Penyediaan Menu Sihat khusus bagi restoran-restoran di Mukim Sengkurong telah dianjurkan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dua bulan yang lalu dan bengkel tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pengurus-pengurus restoran mengenai penyediaan dan pemilihan makanan sihat mengalakkan pengurus-pengurus restoran merangka penyediaan menu sihat di restoran masing-masing.

Sehubungan itu Yang Berhormat menyarankan para pengurus restoran membuat pembaharuan dengan menyediakan menu yang sihat dalam sama-sama bertanggungjawap untuk menjaga kesihatan setiap pelanggan yang mengunjungi restoran.

Walkaton sejauh 5 kilometer bagi lelaki dan 3 kilometer bagi peserta wanita didahului dengan senamrobik beramai-ramai di hadapan Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta Bengkel Penyediaan Menu Sihat bagi restoran-restoran dan acara kemuncak ialah penyampaian Anugerah Warga Emas Contoh bagi Mukim Sengkurong juga disampaikan oleh tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Haji Abd. Momin; Timbalan Setiausaha Tetap, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jaafar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal), Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua kampung, dan penduduk-penduduk Mukim Sengkurong.

Menyediakan penjagaan mulut secara optima kepada rakyat

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Md. Salleh semasa memberi ucapan di Majlis Perasmian Konvensyen dan Pameran Perdagangan Pergigian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan/FDI Ke-4, di *Empire Hotel and Country Club*. - Foto : Azmah Haji Ahad.

" KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam komited dalam menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi termasuk penjagaan mulut secara optima kepada rakyat di negara ini sejajar dengan Visi Strategik 2035 Kementerian Kesihatan 'Menuju Ke Arah Warga Sihat' juga mengenal pasti bahawa penjagaan mulut adalah bahagian penting dalam kesihatan awam dan kesejahteraan individu."

- Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Sabtu, 16 Oktober. - Sejumlah 77.7 peratus dari penduduk Negara Brunei Darussalam di bawah umur 40 tahun terdiri dari golongan belia yang memainkan peranan penting dalam tenaga kerja tempatan harus mempunyai kesihatan mulut bagi membolehkan mereka menyumbang kepada masyarakat dengan berkesan.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh menyatakan demikian di Majlis Perasmian Konvensyen dan Pameran Perdagangan Pergigian Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan/FDI Ke-4 bertempat di Indera Kayangan *Ballroom, The Empire Hotel and Country Club,* Jerudong.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam komited dalam menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi termasuk penjagaan mulut secara optima kepada rakyat di negara ini sejajar dengan Visi Strategik 2035 Kementerian Kesihatan *'Menuju Ke Arah Warga Sihat'* juga mengenal pasti bahawa penjagaan mulut adalah bahagian penting dalam kesihatan awam dan kesejahteraan individu," tambahnya.

Beliau juga menggesa para doktor pergigian agar melengkapkan diri dengan trend-trend terkini dalam pengurusan kanak-kanak dan belia kerana mereka akan sering terlibat dalam penjagaan mulut dalam kehidupan seharian memandangkan penyakit mulut seperti karies gigi dan masalah gusi di negara ini masih serius.

Menurutnya, kajian kesihatan mulut terakhir yang dijalankan dalam tahun 1999 menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berumur lima ke enam tahun hanya 11.3 peratus bebas dari karies dan bagi yang berumur 12 tahun secara purata mempunyai 4.8 peratus gigi kekal yang rosak, manakala bagi yang berumur 12 ke 15 tahun hanya 1 peratus *periodontium* yang sihat dan lebih daripada 80 peratus yang mempunyai kalkulus.

Hasil kajian terkini ujarnya, penjagaan mulut dari Pemeriksaan Menyeluruh Secara Sepadu bagi Perkhidmatan Awam secara purata menunjukkan bahawa setiap kakitangan mempunyai 10 bilah gigi kekal yang telah mengalami kerosakan dan berpandukan kepada *periodontal* status mereka, hanya kurang daripada 10 peratus mempunyai gusi sihat, 77 peratus mempunyai kalkulus dan 21 peratus mempunyai penyakit gigi lebih teruk yang memerlukan rawatan.

Objektif utama Konvensyen dan Pameran Perdagangan Pergigian adalah untuk mempromosikan perkembangan secara profesional dalam membolehkan para peserta meningkatkan dan mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pergigian serta saling berkongsi pengalaman.

Beberapa bengkel, seminar dan simposium telah dikendalikan pada 15 Oktober 2010 untuk menambah program berkenaan.

Satu Pameran Perdagangan Pergigian juga diadakan di *Empire Hotel and Country Club* selama dua hari bermula 16 dan 17 Oktober 2010 sempena konvensyen yang mempamerkan produk pergigian yang inovatif dari para peserta.

Produk *Miracle Mineral Solution* memudaratkan kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Oktober. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai berhubung penjualan produk *Miracle Mineral Solution* atau *Miracle Mineral Supplement* (MMS) melalui internet yang boleh memudaratkan kesihatan apabila digunakan (produk tersebut juga dikenali dengan nama-nama lain).

Menurut laporan yang diterima dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), arahan penggunaan produk ini memerlukan pengguna untuk mencampurkan beberapa titik produk ini yang mengandungi 28 peratus *sodium chlorite* dengan *citric acid* dan kemudiannya dicampur dengan air atau jus buah sebelum diminum.

Campuran-campuran ini menghasilkan *chlorine dioxide* iaitu sejenis bahan peluntur kuat yang lazim digunakan dalam industri tekstil dan industri rawatan air.

Kimia peluntur ini boleh memudaratkan kesihatan pengguna dan boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan seperti muntah dan cirit-birit.

Jika keadaan ini berlarutan ia boleh mengakibatkan dehidrasi, sakit perut, sakit kerongkong, pendarahan dan tidak boleh menghasilkan air kencing.

Kandungan kapsul pula, apabila ditelan akan menyebabkan kerosakan usus dan perut.

Memandangkan produk tersebut boleh memudaratkan kesihatan jika ia dimakan sama ada oleh orang dewasa ataupun kanak-kanak, maka, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai agar tidak membeli atau menggunakan produk berkenaan.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan telah membuat pemantauan bagi memastikan produk berkenaan tidak ada di pasaran dan tidak diimport ke negara ini.

Kementerian Kesihatan juga mengingatkan orang ramai, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 9 ceraian (1) sub-perenggan (i) Akta (Kesihatan Awam) (Makanan), (Penggal 182) sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan, jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan selama lima tahun atau suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Jalan Delima Dua, Berakas, BB2313 di talian : 231100-5/6/8/9/10 / faksimile : 2331107

Siswa-siswi Islam diharapkan menjadi pendukung Al-Qur'an

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Rabu, 20 Oktober. - Musabaqah Tilawah Al-Qur'an anjuran Universiti Brunei Darussalam (UBD) merupakan satu usaha yang bermakna dan tinggi nilainya yang tidak seharusnya hanya melibatkan peserta-peserta musabaqah tetapi seluruh siswa-siswi yang beragama Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika berucap demikian menjelaskan, impak besarnya ialah apabila abang-abang dan kakakkakak di pusat-pusat pengajian tinggi mendekati Al-Qur'an, sudah tentu adik-adik yang berada di peringkat rendah dan menengah persekolahan akan turut mengikuti langkah saudara-saudara tua mereka itu.

"Mengapa usaha mengadakan musabaqah ini harus dijadikan titik tolak dan dikembangkan sebaik-baiknya, kerana kita mengimpikan supaya semua siswa-siswi Islam kita baik yang berada di dalam negara mahupun di luar negara, agar apabila mereka telah lulus dan memimpin masyarakat dan negara di suatu hari nanti, mereka akan menjadi pendukung-pendukung Al-Qur'an, mereka tidak merasa tertekan untuk membaca Al-Qur'an di hadapan orang ramai, sebaliknya bersedia bila-bila masa sebagai contoh dan model kepada masyarakat," jelasnya semasa berucap di Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Dewan Canselor, UBD.

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa hadir selaku tetamu kehormat di Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Institusi-Institusi Pengajian Tinggi.

PESERTA qari dan qariah ketika memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an di Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Institusi-Institusi Pengajian Tingg di Dewan Canselor, UBD.

Yang Berhormat seterusnya berkata, jika ini dapat direalisasikan, maka beruntunglah negara mendapat rahmat negara dan akan selamatlah negara daripada kebinasaan dan penyakit sosial, kerana masyarakat yang berpegang kepada Al-Qur'an adalah masyarakat yang bertakwa yang sihat rohani dan jasmaninya serta terhindar daripada segala penyakit.

"Allah Ta'ala telah berjanji akan memelihara masyarakat yang bertakwa, malah akan melimpahkan kemakmuran dan rezeki yang tidak terkira disebabkan Allah sangat mengasihi masyarakat yang sedemikian itu sebagaimana firman Allah dalam Surah Ath Thalaaq ayat 2-3," terangnya.

Musabaqah yang dianjurkan oleh Bahagian Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian UBD itu bahagian qari dijuarai oleh Awangku. Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran. Haji Marzuki daripada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), naib johan, Awang Rahmat Hidayat daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), manakala Awang Muhammad Shair bin Haji Shamsuddin dari UBD di tempat ketiga.

Johan qariah disandang peserta KUPU SB, Dayang Norhafizah binti Haji Salim dari Institut Teknologi Brunei, naib johan dan seterusnya mendapat tempat ketiga ialah Dayang Norhafshah binti Pehin Khatib Haji Mustafa, UBD dan Dayangku. Mumtazah binti Pengiran. Haji Md. Jaafar dari UNISSA.

Pembentukan budi pekerti perlu bagi setiap pendidik

PEGAWAI Pengajian Islam Daerah Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim semasa menyampaikan hadiah kepada johan membaca Al-Qur'an peringkat akhir bagi guru-guru agama Daerah Temburong.

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Sabtu, 16 Oktober. - Pembentukan adab dan budi pekerti perlu menjadi tunggak bagi setiap pendidik bagi memastikan budaya hormat-menghormati dan kasih-mengasihi sesama manusia dapat diterapkan kepada generasi muda masa kini dan akan datang.

Pada masa yang sama untuk mengangkat martabat pendidikan, para guru perlu dihormati dan diletakkan setaraf dengan para ilmuwan bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Penceramah undangan daripada Lembaga Perbadanan Adat Istiadat Negeri Selangor, Dr. Noriah binti Muhamed menekankan perkara itu semasa menyampaikan ceramah motivasi bertajuk *'Kecemerlangan Dari Perspektif Melayu'* kepada guru-guru agama di Daerah Temburong bersempena Hari Guru Ke-20 berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Ceramah bertujuan untuk memberikan sokongan dan kesedaran kepada para guru selain mempertingkatkan lagi keazaman untuk menjadi seorang guru yang gemilang dan cemerlang sesuai dengan tema Sambutan Hari Guru tahun ini *'Guru Gemilang Pelajar Cemerlang'*.

Di samping itu, ia juga bertujuan memberikan persaingan yang positif di kalangan warga guru dalam satu profesion yang menjurus kepada pendidikan agama yang berkualiti khususnya dalam memantapkan lagi bacaan Al-Qur'an yang menjadi teras kejayaan persekolahan agama.

Hadir selaku tetamu khas, Pegawai Pengajian Islam Daerah Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim.

Juga hadir pada ceramah anjuran Jabatan Pengajian Islam Cawangan Daerah Temburong itu guru-guru sekolah agama Daerah Temburong.

Sesi itu juga diselajurkan dengan penyampaian hadiah serta sijil kepada lima peserta Peraduan Membaca Al-Qur'an bagi guru-guru agama Daerah Temburong peringkat akhir disempurnakan oleh tetamu khas.

" PADA masa yang sama untuk mengangkat martabat pendidikan, para guru perlu dihormati dan diletakkan setaraf dengan para ilmuwan bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. "

Sambutan Hari Guru di SRSH

Berita dan Foto : Nurhidayah Haji Kamis

TEMBURONG, Rabu, 20 Oktober. - Bersempena Hari Guru pada tahun ini, Sekolah Rendah Sultan Hassan (SRSH) mengadakan Sambutan Hari Guru bertempat di sekolah tersebut.

Sambutan yang bertemakan *'Guru Gemilang Pelajar Cemerlang'* itu adalah bagi meraikan para guru yang bertungkus lumus memberikan pendidikan kepada para pelajar di sekolah tersebut serta para ibu bapa yang mendidik anak-anaknya sehingga berjaya.

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), SRSH, Awang Haji Nispu bin Haji Tahir dalam ucapannya menyatakan, tugas seorang guru adalah sangat mencabar yang bukan hanya berakhir di sekolah sahaja malahan ianya berlanjutan di rumah.

Beliau berkata, antara tugas dan tanggungjawab seorang guru juga ialah untuk memberikan persediaan yang rapi kepada para pelajarnya seperti membuat persediaan awal melalui mata pelajaran, soalan atau topik yang akan di ajarkan.

PENGERUSI Persatuan Ibu bapa dan Guru, Sekolah Rendah Sultan Hassan, Awang Haji Nispu bin Haji Tahir ketika menyampaikan ucapannya di Majlis Sambutan Hari Guru yang berlangsung di sekolah berkenaan.

Menurutnya, para guru bertanggungjawab dalam memberikan atau memastikan supaya para pelajarnya bersedia lebih awal sebelum menghadapi ujian dan peperiksaan.

Sementara para ibu-bapa tambahnya, juga perlu memberikan kerjasama dalam mendidik anak-anak mereka di rumah dan mengingatkan kepada anak-anak mereka untuk mengulang kaji pelajaran serta memberikan tumpuan kepada pelajaran.

Majlis di akhiri dengan persembahan puisi dan penyampaian cenderahati kepada para guru di sekolah berkenaan anjuran PIBG, SRSH Bangar Temburong.

Sekolah Rendah Kiarong Brunei III kini dikenali Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohammad Jaapar

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenan bagi Sekolah Rendah Kiarong Brunei III diberikan nama sebagai Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Mohammad Jaapar, yang mana kurnia perkenan tersebut amat dijunjung tinggi oleh Kementerian Pendidikan.

Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berucap demikian semasa merasmikan penamaan Sekolah Rendah Dato Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar, Kiarong Sempena Sambutan Jubli Perak Sekolah Rendah Kiarong (1985-2010), berlangsung di Dewan Sejahtera, Sekolah Rendah Kiarong, Brunei III, di sini.

Sebagaimana yang dimaklumi bersama khususnya oleh penduduk-penduduk Kampung Kiarong dan sekitarnya, Datu Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar bin Jamaludin tambahnya merupakan Penghulu Mukim Gadong yang pertama.

"Nama tokoh ini dipilih adalah sebagai memperingati jasa dan perjuangan tokoh ini terhadap sumbangannya kepada bidang pendidikan dan negara.

Dengan mengambil sukut nama tokoh ini diharap sebagai satu pendorong dan sumber inspirasi pelajar-pelajar sekolah ini untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan kehidupan," terang Pemangku Menteri Pendidikan dengan penuh harapan.

Menyentuh mengenai usaha-usaha Kementerian Pendidikan, ianya jelas Yang Mulia telah dan sedang dibuat untuk meningkatkan lagi pencapaian pendidikan di semua peringkat di negara ini, sebagai menanai Wawasan Brunei 2035, iaitu hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya serta keadaan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dengan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap merasmikan Penamaan Sekolah Rendah Dato Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar, Kiarong Sempena Sambutan Jubli Perak Sekolah Rendah Kiarong (1985-2010). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Kementerian Pendidikan sebagai pemegang amanah dan memikul tanggungjawab bidang pendidikan tegasnya, akan sentiasa berusaha mempersiapkan rakyat negara ini dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mampu bersaing, berjaya dan dapat bertahan dalam apa jua keadaan dan perubahan yang berlaku di sekeliling kita.

"Bagi mencapai hasrat tersebut Kementerian Pendidikan menekankan sama pentingnya proses pembelajaran dan pengajaran di semua peringkat persekolahan sama ada sekolah menengah mahupun sekolah rendah.

Ini selaras dengan lapan hala tuju dasar dalam Strategi Pendidikan yang digariskan dalam Wawasan 2035 iaitu melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak, menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran, mengadakan pendidikan yang bertaraf tinggi di peringkat menengah dan pengajian tinggi termasuk sekolah vokasional, yang menghasilkan pakar, ahli profesional dan juruteknik yang diperlukan dalam perniagaan dan industri, memperkukuhkan kompetensi dalam teknologi infokomunikasi (ICT) bagi penuntut, guru dan pentadbir pendidikan termasuk integrasi ICT ke dalam kurikulum sekolah, membentuk program yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi, menggalakkan penyelidikan, perkembangan dan inovasi di institusi yang dibiayai kerajaan dan di institusi yang dibiayai oleh pengkongsian sektor awam swasta dan antarabangsa, menggunakan kaedah mengajar yang *cost-effective* melalui penggunaan teknologi dan memperbaiki pengurusan semua institusi pendidikan," jelasnya lagi.

Untuk mencapai apa yang telah digariskan itu, Kementerian Pendidikan tambahnya telah berusaha memastikan para pentadbir dan kepimpinan sekolah akan sentiasa relevan dengan kemajuan masa kini dengan mempunyai kemahiran dalam menerajui institusi-institusi pendidikan pada menjalankan tugas yang telah diamanahkan melalui amalan-amalan tebaik atau *best practises* yang telah terbukti berjaya diamalkan di negara-negara maju.

Salah satu usaha tersebut ialah penganjuran program *School Leadership Program* (SLP) yang bertujuan memberikan pendedahan dan kemahiran dalam pengurusan bagi pemimpin-pemimpin sekolah yang terdiri dari pengetua-pengetua dan guru-guru besar termasuk guru-guru kanan serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Sejauh ini terangnya, seramai 321 orang pemimpin dan pentadbir sekolah dari 107 buah sekolah rendah, menengah, maktab dan institusi pendidikan teknikal dan vokasional seluruh negara, telah berjaya mengikuti SLP di *Institute for Leadership, Innovation and Advancement* (ILIA), Universiti Brunei Darussalam.

Para pemimpin sekolah juga katanya telah didedahkan kepada kemahiran dan pengalaman melalui program-program lawatan dan penempatan, menghadiri seminar dan bengkel di dalam dan di luar negeri mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa, sebagaimana yang berjalan dengan rancaknya pada masa ini.

Di kesempatan ini, Pemangku Menteri Pendidikan mengingatkan semua pemimpin sekolah dan guru-guru sekolah rendah khususnya supaya memberikan perhatian kepada pembelajaran dan pengajaran di peringkat prasekolah dengan memfokuskan kepada pengajaran dalam aspek asas-asas literasi dan numerasi serta menitik beratkan pendidikan rohani dan nilai-nilai murni selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

"Bagi mengukuhkan dan meningkatkan pemedulian pendidikan di peringkat ini, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Unit Pendidikan Awal dan Pemedulian Kanak-kanak pada bulan Jun tahun ini dengan objektif utamanya, untuk membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta pemedulian awal kanak-kanak kitani," tambahnya.

Menyentuh mengenai program literasi dan numerasi yang bermula seawal dari peringkat pra yang telah berjalan pada masa ini, Yang Mulia juga menyarankan supaya pihak sekolah akan dapat memastikan setiap pelajar yang telah menamatkan persekolahan pendidikan rendah Tahun Enam dapat menguasai sepenuhnya kemahiran 3 *M* iaitu Membaca, Menulis dan Mengira.

"Perlu juga diingat kaedah pendidikan kanak-kanak di peringkat ini hendaklah menggunakan kaedah secara bermain, sesuai dengan naluri peringkat umur kanak-kanak di peringkat ini yang gemar bermain," ujar Pemangku Menteri Pendidikan.

Menurutnya, kemantapan kemahiran asas 3 *M* (Menulis, Membaca dan Mengira) merupakan asas penting untuk diperkukuhkan di peringkat pendidikan rendah lagi.

Sementara pendidikan sempurna di peringkat rendah jelas Yang Mulia adalah di antara faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar di peringkat menengah.

"*School Based Assessment for learning* akan bermula dilaksanakan di peringkat pendidikan rendah dalam waktu yang terdekat ini. Penilaian di peringkat sekolah (SBA) merupakan salah satu perubahan dalam penilaian para pelajar yang diperkenalkan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

"Melalui penilaian tersebut pihak sekolah akan dapat merancang program intervensi yang berkesan kepada para pelajar yang memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar yang lebih berfokuskan *individual attention*," jelas Pemangku Menteri Pendidikan dengan penuh harapan.

Penamaan sekolah peringati jasa dan perjuangan tokoh

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Oktober. - Penamaan Sekolah Rendah Kiarong menjadi Sekolah Rendah Dato Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar adalah bagi memperingati jasa dan perjuangan seorang tokoh terhadap sumbangannya kepada bidang pendidikan dan negara.

Tokoh yang dimaksudkan ialah Penghulu Mukim Gadong yang pertama, Allahyarham Datu Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar bin Jamaludin.

Guru Besar, Sekolah Rendah Dato Ratna Awang Haji Mohammad Jaapar, Brunei III, Dayang Hajah Taibah binti Haji Ahmad, menyatakan demikian semasa berucap di Majlis Perasmian Penamaan Sekolah berkenaan.

Beliau menjelaskan, sepanjang perjalanan menjana pendidikan, sekolah berkenaan telah berjaya mengetengahkan anak didik yang berkualiti yang sedang menaburkan khidmat di berbagai agensi kerajaan dan swasta.

Seterusnya beliau memberitahu bahawa sebahagian daripada pelajar dari sekolah tersebut masih melanjutkan pelajaran di pengajian tinggi di dalam dan di luar negara.

Sebahagian besar mereka yang pernah menerima Anugerah Tunas Harapan iaitu murid-murid cemerlang dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) atau dikenali sebagai *Primary Certificate of Education* (PCE) suatu masa dahulu dan murid-murid lain yang menerima pendidikan di sekolah ini tambahnya, telah menjadi model insan calak Brunei.

Atur cara majlis diserikan dengan tayangan *slaid* mengenai dengan aktiviti-aktiviti sekolah tersebut pada zaman dahulu dan masa kini dan seterusnya diselajurkan dengan persembahan koir dan drama oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Tetamu kehormat Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyampaikan anugerah, sijil penghargaan dan cenderahati kepada tokoh-tokoh yang berjasa dan guru besar yang pernah berkhidmat di sekolah berkenaan dan merasmikan tugu sekolah tersebut.

Menurut sejarah Sekolah Rendah Kiarong mula dibina pada tahun 1984 dengan keluasan kawasan 15 ekar dan terletak di Kampung Kiarong, Jalan Dato Ratna Gadong.

Ia merupakan bangunan kekal yang terdiri dari beberapa buah blok, iaitu blok pentadbiran, dua blok bilik darjah, dewan, dapur dan kantin serta dilengkapi dengan padang sekolah.

Bangunan sekolah itu mula digunakan pada 2 Januari 1985 dan murid-murid yang bersekolah di sekolah ini terdiri daripada tiga buah sekolah iaitu Sekolah Melayu Pantai Jiam, Sekolah Rendah Menglait dan Sekolah Rendah Pusat Pengajian.

Juga hadir, guru-guru, persatuan ibu bapa dan masyarakat kampung.

Sultan Sharif Ali sebarkan ajaran Islam ke seluruh Brunei

PENGETUA Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri semasa membentangkan kertas kerja di Majlis Bersama Ilmuwan berlangsung di Dewan Jubli Universiti Islam Sultan Sharif Ali. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Oleh : Siti Zuraihah Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Oktober. - Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei Ketiga yang memerintah dari 1425 hingga 1432 Masihi merupakan sultan yang menyebarkan ajaran Islam ke seluruh Brunei malah sejak kedatangannya berkembanglah *Lailahaillallah Muhammadar Rasulullah* di negara ini.

Baginda juga sultan yang mula-mula membuat masjid dan mengeraskan pelaksanaan hukum-hukum Islam dan menitahkan Ong Sum Ping berserta orang-orang China yang menjadi pengikutnya membina kota dari Pulau Keingaran ke Pulau Chermin.

Pengetua Pusat Sejarah, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menyatakan perkara itu semasa membentangkan kertas kerja di Majlis Bersama Ilmuwan berlangsung di Dewan Jubli Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Yang Berhormat juga menerangkan bahawa Sultan Sharif Ali berkahwin dengan Puteri Ratna Kesuma binti Sultan Ahmad dan dengan perkahwinan tersebut, baginda menjadi Sultan Brunei menggantikan ayahanda mertua baginda Sultan Ahmad.

Menurut Yang Berhormat, Sultan Sharif Ali adalah seorang sultan yang sangat kuat beribadat dan mempunyai berkat, sehingga baginda termasyhur dengan gelaran Sultan Berkat dan bagindalah yang mula membangun masjid di Brunei dan menentukan arah kiblat.

Sultan Sharif Ali yang terkenal dengan nama Sultan Berkat itu lindung pada malam Khamis bulan Jamadilawal 836 Hijriah (Disember 1432 Masihi) seperti yang tersurat di batu nisan makan baginda.

Antara pengajaran baginda yang tersemat di hati rakyat Brunei ialah segala apa yang dibuat hendaklah diniatkan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala untuk mendapatkan keredaan-Nya supaya perbuatan itu akan menjadi ibadat.

Majlis Bersama Ilmuwan anjuran Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UNISSA itu antara lain bertujuan untuk menghidupkan majlis-majlis ilmu di universiti di samping memberi peluang para ilmuwan di negara ini untuk mengembangkan ilmu kepada para pelajar khususnya mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar amnya.

Kumpulan Syarikat Serikandi serahkan sumbangan ibadah korban

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KETUA Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Serikandi Sendirian Berhad, Sheikh Haji Khalid bin Sheikh Haji Ahmad semasa menyerahkan jadual Majlis Ibadah Korban kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah. - Foto : Ihsan Pejabat Daerah Belait.

KUALA BELAIT, Selasa, 19 Oktober. - Sempena menyambut Hari Raya Aidiladha tahun 1431 Hijriah ini, Kumpulan Syarikat Serikandi Sendirian Berhad akan menyumbangkan empat ekor sapi dan beberapa ekor kambing sebagai haiwan korban di Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha yang akan diraikan pada pertengahan bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat berkenaan, Sheikh Haji Khalid bin Sheikh Haji Ahmad menyerahkan jadual Majlis Ibadah Korban kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah di pejabatnya, di sini.

Sheikh Haji Khalid ketika dihubungi berharap daging-daging haiwan korban itu nanti akan disampaikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

Beliau juga berharap agar Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) akan dapat memberikan kerjasama mengungkayahkan ibadah korban tersebut dengan kerjasama Jabatan Daerah.

Sheikh Haji Khalid, menambah meskipun dia dan keluarga tidak dapat sama-sama menyambut Majlis Ibadah Korban itu nanti kerana akan menunaikan ibadah haji, namun beliau berharap majlis tersebut akan dapat dilaksanakan dengan sempurna seperti yang diharapkannya.

Kumpulan Syarikat Serikandi setiap tahun mengadakan Majlis Ibadah Korban sebagai projek tahunan syarikat itu bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Raya Aidiladha selain sebagai amalan yang disukai Allah Subhanahu Wata'ala dan bukti keikhlasan dalam menghidupkan syiar agama Islam.

Ini selaras dengan firman Allah dalam Surah Al Hajj: *37* bermaksud: *"Daging dan darah binatang korban itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu."*

Orang yang berkorban akan dikurniakan kebajikan (hasanah) sebanyak bulu kambing yang dikorban dan titisan darah korban yang pertama adalah pengampunan bagi dosa-dosa yang telah lalu, manakala darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah.

Ibadah korban merupakan ibadat sunat muakkadah dilakukan pada Hari Raya Aidiladha 10 Zulhijah dan pada hari-hari Tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijah.

Haiwan-haiwan yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri dari unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri yang selamat dari aib atau kecacatan mengikut hukum syarak.

Penanaman pokok Gaharu di kawasan Pusat Ehsan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

PEMANGKU Pengerusi Lembaga, Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab memulakan penanaman pokok Gaharu di kawasan Pusat Ehsan.

BENGKURONG, Khamis, 21 Oktober. - Sekumpulan ahli-ahli Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah menyertai Majlis Penanaman Pokok Gaharu, bertempat di Kawasan Pusat Ehsan, di sini.

Acara penanaman pokok berkenaan diketuai oleh Pemangku Pengerusi Lembaga, Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab dan diikuti dengan Pengarah Urusan, Gaharu Berjaya *Enterprise* Brunei, Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Dollah.

Bibit pokok gaharu tersebut disumbangkan oleh syarikat tersebut dan masing-masing ditanam oleh ahli-ahli Pusat Ehsan.

Menurut Pengarah Urusan, Gaharu Berjaya *Enterprise* Brunei, Awang Haji Mohd. Ali, penanaman gaharu antara lain bertujuan untuk membantu golongan-golongan yang kurang upaya di Negara Brunei Darussalam.

"Di samping itu, dihasratkan untuk memperkenalkan kepentingan penanaman pokok gaharu kepada orang ramai dari segi penanaman secara komersil," katanya.

Hasil dari penanaman pokok tersebut katanya, mampu membantu perekonomian negara ini dan dengan secara tidak langsung dapat membantu golongan-golongan tersebut.

Pokok Gaharu boleh menghasilkan satu produk *export* yang tinggi nilainya dari buatan Negara Brunei Darussalam seperti minyak wangi, sabun, ubat gigi, barang kosmetik dan lain-lain.

Pokok berkenaan yang ditanam boleh di *harvest* dalam tempoh lima ke tujuh tahun dan setiap pokok yang matang mempunyai nilai harga yang tinggi.

Sumbangkan 15 buah kerusi roda

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

WAKIL daripada pihak pengurusan Pusat Membeli-Belah Hua Ho, Lau Soon Lin semasa menyampaikan sumbangan kepada Pegawai Pentadbir, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, Awang Mohd. Ibrahim bin Abdul Hamid.

TUTONG, Rabu, 20 Oktober. - Bagi menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang memerlukan, sumbangan peribadi daripada Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Dato Paduka Awang Lau Ah Kok berupa 15 buah kerusi roda telah disumbangkan kepada Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Tutong, di sini.

Majlis Penyerahan tersebut diadakan di hospital berkenaan.

Penyerahan sumbangan disampaikan oleh wakil bagi pihak pengurusan Hua Ho Department Store, Lau Soon Lin kepada wakil Pegawai Pentadbir Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Awang Mohd. Ibrahim bin Abdul Hamid.

Dengan adanya sumbangan ini akan dapat membantu dan memudahkan bagi kegunaan pesakit-pesakit di hospital berkenaan.

Pusat Ehsan terus mendapat perhatian masyarakat umum

Berita dan Foto : Rohani Haji Abd. Hamid

BENGKURONG, Jumaat, 22 Oktober. - Pusat-pusat amal di negara ini terus diberikan perhatian oleh pelbagai pihak di negara ini dan tidak ketinggalan pihak swasta dalam sama-sama menggembleng tenaga dan kewangan demi kesejahteraan berterusan insan-insan istimewa.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam umpamanya terus menerima perkhidmatan kemasyarakatan dari pegawai dan kakitangan *United Overseas Bank (UOB)* dengan tujuan untuk memeriahkan lagi kanak-kanak berkeperluan khas dengan pelbagai acara.

Rombongan sukarelawan dari UOB ini diketuai oleh Penolong Naib Presiden Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran, Puan Chan Eng Shun dengan disambut oleh Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Awang Haji Abd. Hamid bin Maaruf.

Semasa berada di pusat ini rombongan juga dialu-alukan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga, Pemegang Amanah Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab.

Seramai 90 orang kanak-kanak berkeperluan khas bersama keluarga serta pegawai dan kakitangan pusat berkenaan diraikan dengan pelbagai acara dan aktiviti termasuk persembahan maskot di samping makanan yang disumbangkan oleh *Kentucky Fried Chicken* (KFC) yang bermula sejak pukul 9.00 pagi dan berakhir 12.00 tengah hari.

Di kesempatan ini, UOB juga memberikan sumbangan berbentuk barang-barang keperluan belajar dan sumbangan peribadi dari pegawai dan kakitangan bank berkenaan.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah yang disampaikan oleh Naib Presiden dan Pengurus UOB, Awang Abd. Razak bin Abd. Malek dan ucapan penutup oleh Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merupakan insitusi bukan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pendidikan yang bermutu, latihan, penjagaan untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam ini.

WARGA Pusat Ehsan ketika dihiburkan semasa lawatan bank berkenaan.

Ralat

MERUJUK Pelita Brunei Edisi Isnin, 25 Oktober 2010. Tajuk berita di muka 1 hendaklah dibaca: '844 dikurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam'. Sementara itu muka surat 24 tajuk berita paragraf pertama hendaklah dibaca seperti berikut : 'ENGLAND, Sabtu, 23 Oktober. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Menteri-Menteri Undang-Undang Komanwel dan Mesyuarat Menteri-Menteri Undang-Undang dan Peguam-Peguam Negara Perundangan Komanwel Kecil Ke-11 yang berlangsung pada 18 hingga 22 Oktober 2010, di Sekretariat Komanwel di *Marlborough House, London, England.*

Tajuk berita : 'Pasukan *IVY League* menjuarai Kejohanan Bola Jaring' di paragraf ketiga hendaklah dibaca: 'Berangkat menyertai kejohanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mewakili pasukan *IVY League*'. Sementara keterangan gambar hendaklah dibaca: 'YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang mewakili pasukan *IVY League* bergambar ramai sejurus selepas Majlis Penyampaian Hadiah'.

Sastera klasik, dicipta bukan sekadar saja-saja

ELOK kita bertanya: Apa manfaatnya membaca, menghayati dan mengkaji Sastera Klasik, seperti: Syair, gurindam, seloka, pantun dan seumpamanya?

Sebenarnya dari karya-karya lama seperti: Syair, kita secara langsung dapat memahami tentang sesuatu falsafah yang diamalkan oleh suatu bangsa di zaman itu.

Sastera Lama yang juga dipanggil sastera klasik mampu mendedahkan suatu ruang untuk memahami corak kemasyarakatan sesuatu negara kerana sastera itu sendiri adalah catatan jiwa bangsa itu. Nah, di bawah adalah rangkap syair Rampaian Laila Syair karangan Muda Omar 'Ali Saifuddien, Sultan Brunei ke-28:

Mata pelajaran pelita hati
indah budi laila terbukti
meninggalkan jasa pelita mati
laila setia amalan bakti.

Pelita mati jasa kenangan
pelita hati pelajaran kebilangan
laila terbukti budi julangan
setia bakti laila kesayangan.

Laila gasing pening-peningan
tarah kayu bakal-bakal
mata berjasa jadi kenangan
mata pelajaran menambahkan akal.

Dengan makna lain sastera klasik mematulkan aspek-aspek ilmu kemasyarakatan dan sejarah. Sastera klasik saling bantu-membantu dan bukan suatu yang terpisah. Antara satu sama lain, saling kait-mengait, bagi memahami bentuk masyarakat pada ketika karya itu dihasilkan.

Sastera klasik tidak muncul begitu saja meski setengahnya mengisahkan tentang dongeng-dongeng dan simpulan bahasa serta dinukil dengan bahasa dalam yang punya makna yang tersirat.

Nukilan-nukilan yang diluahkan melalui sastera klasik itu adalah berfungsi sebagai saluran pernyataan fikiran dan perasaan, bagi melepaskan diri daripada tekanan yang diharungi oleh pencipta-penciptanya.

Di zaman teknologi maklumat ini kita beranggapan bahawa sastera umumnya (sastera klasik dan sastera moden) tidak lagi menjadi hak monopoli para sasterawan tetapi juga dihayati bersama oleh ahli sosiologi, falsafah dan para antropologi.

Tegasnya karya-karya klasik dengan bentuknya yang tersendiri - baik melalui syair, pantun, seloka, gurindam dan mahupun cerita penglipur lara – adalah suatu mekanisme menyempurnakan kehendak-kehendak jiwa pencipta, sesuai dengan keadaan di zaman itu. Jadi, lambang-lambang yang digunakan adalah cermin penghidupan hati dan batin zaman bahari.

Sebenarnya kesusasteraan Melayu tradisional (klasik) telah wujud sejak manusia yang bernama bangsa Melayu mula memuaskan rasa ingin tahu tentang alam keliling mereka dengan pelbagai keterangan dan maklumat.

Keterangan-keterangan itu disesuaikan dengan tahap pemikiran masyarakat zaman itu dan keterangan keterangan itu bertambah menjadi lebih mengkagumkan tatkala masyarakat itu semakin maju.

Tidak ada perkataan yang dapat menggambarkan perhubungan antara rasa ingin tahu dengan kemunculan dan perkembangan kesusasteraan Melayu klasik itu melainkan tepat diungkapkan dengan pepatah Inggeris: *Necessity is the mother of invention.*

Maklumat yang diuar-uarkan oleh orang tua-tua atau orang yang dihormati dalam masyarakat tradisional itu menarik dan cukup untuk memuaskan ingin tahu yang timbul secara alamiah pada seseorang.

"Oleh kerana masyarakat dikongkong oleh alam sekelilingnya, cerita-cerita yang mengandungi pelbagai keterangan yang dinamai *mitos* oleh orang-orang yang terkemudian, berlegar di sekitar alam semula jadi."

DALAM karya-karya sastera klasik itu pengalaman-pengalaman peribadi juga turut dilisankan, di'ninabobok'kan atau dijadikan sumber ilham pengkarya. Percintaan dan kasih sayang. Cemburu dan iri hati. Hubungan kekerabatan atau kekeluargaan hingga kepada peperangan dan pertarungan.

Mitos-mitos itu menerangkan mengenai kejadian alam semesta, kewujudan bulan dan matahari yang dikaitkan dengan kejadian malam dan siang, dunia dengan gunung, bukit, sungai, laut dan seumpamanya, manusia yang mula-mula sekali menduduki bumi ini, binatang-binatang – terutama haiwan-haiwan besar, garang, yang ditakuti – tumbuhan-tumbuhan seperti pokok-pokok besar, pokok yang mempunyai bentuk yang mengerunkan, dan gejala alam seperti kilat, halilintar, hujan, ribut, banjir dan sebagainya yang mengingatkan manusia akan kekerdilannya.

Dalam karya-karya sastera klasik itu pengalaman-pengalaman peribadi juga turut dilisankan, di*'ninabobok'*kan atau dijadikan sumber ilham pengkarya. Percintaan dan kasih sayang. Cemburu dan iri hati. Hubungan kekerabatan atau kekeluargaan hingga kepada peperangan dan pertarungan.

Kejadian-kejadian yang tercetus daripada rasa benci, suka, duka dan sebagainya yang berkait perhubungan antara manusia dengan manusia dalam masyarakatnya sendiri dan antara masyarakat itu dengan masyarakat lain yang terpisah dengannya.

Ruang khayalan manusia Melayu yang alamiah dan terkongkong pada bumi yang dipijak meluas kepada dunia kayangan yang tinggi dan jauh daripada sifat-sifat keistimewaannya yang tersendiri misalnya, *Diangdangan Bujang Sigandam.* Mitos yang watak-wataknya boleh bertarung di angkasa, yang serba sakti dan memiliki kekuatan yang luar biasa.

Malah kita pernah diceritakan tentang keistimewaan luar biasa yang dimiliki oleh panglima dahulu kala yang bergelar Awang Semaun. Sekali dayung atau kayuh, perahunya boleh laju menerjah puluhan batu jauhnya dalam sekelip mata! Hah, sepantas kecepatan suara! Konon-kononnya!

Hasil sastera klasik yang menumpukan perhatian kepada dunia kayangan dan bunian serta dewa-dewi akhirnya disesuaikan dengan keterangan-keterangan yang berlandaskan akidah keislaman sebaik sahaja Islam masuk ke Nusantara.

Oleh :
Haji Mohd. Salleh Abdul Latif,
Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 1990 (The S.E.A. Write Award 1990)

BILANGAN 61

Ketajaman akal, kekuatan daya imaginasi dan kehalusan perasaan dan budi mereka memungkinkan mereka menghasilkan karya-karya jenis sedemikian yang cukup ampuh dengan makna dan maksud yang mendalam.

Disampaikan melalui pelbagai kaedah metafora, misalnya melalui perumpamaan, kiasan dan tamsil ibarat. Diketengahkan melalui perlambangan dan watak-watak fiksyen yang generasi sekarang ini menganggap sebagai dongeng.

Hayatilah *Kisah Pak Pandir* atau Lebai Malang atau *Mat Jenin* atau *Pak Kaduk Melayu*. Siapa yang tidak mengetahui watak cerita Melayu lama, seperti: Pak Pandir, manusia bodoh dan tolol. Lebai Malang, manusia yang tamak dan akhirnya kehilangan segala harta yang ada padanya, termasuk pakaiannya.

Atau watak Mat Jenin, manusia yang suka berangan-angan tetapi akhirnya mati dalam angan-angan. Atau watak Pak Kaduk yang menang sorak, kampungnya tergadai.

Atau watak haiwan seperti: Sang Kancil, yang cerdik dan licik, yang selalu dapat mengalahkan binatang yang lebih besar dengan tipu muslihatnya. Ambil iktibar!

Aduhai, pengkaji cerita klasik Melayu ini menganggap kisah Pak Pandir, Lebai Malang, Pak Kaduk, Mat Jenin dan Sang Kancil itu sebagai cerita jenaka. Kerana cerita itu menghibur hati orang yang mendengarnya. Benar jenaka, tapi jenaka pintar bijak.

Hubaya-hubaya di sebalik cerita hiburan itu kita nampak dan sedar ada tujuan atau mesej lain yang lebih serius yang cuba disampaikan oleh penciptanya.

Mungkin saja, ya, tukang cerita menggunakan watak-watak jenaka itu untuk menarik orang, yakni pendengarnya, untuk terus mendengar ceritanya. Mungkin juga secara sedar atau tidak disedari, dia berjaya pula menyampaikan atau meninggalkan mesej atau pengajaran yang kesannya jelas kekal dalam minda kolektif bangsa Melayu sepanjang zaman hingga ke hari ini.

Apakah pengajarannya?

Setiap karya dicipta - baik syair, puisi dan prosa, bukan setakat saja-saja dikarang. Ya, bukan sia-sia dicipta. Cetusan Minda diketengahkan bukan sekadar mengisi halaman akhbar. Kita mahu mengajak bangsa kita berfikir. Berfikir secara kritis tentang masa depan agama yang kita anut sejak turun temurun, agama Islam. Berfikir secara matang tentang masa depan bangsa kita, bangsa Melayu. Berfikir secara berwibawa tentang masa depan negara bangsa, Negara Brunei Darussalam. Cerita-cerita klasik berjerami makna!

Seperti kisah Lebai Malang ialah tentang nasib yang menimpa manusia yang tamak. Manusia yang menurut nafsunya lebih daripada akalnya. Lebai Malang menerima jemputan untuk menghadiri tiga majlis kenduri yang berlangsung serentak. Kerana serakahnya dia menerima ketiga-tiga undangan itu. Maka setentunya timbul masalah; manakah yang patut dihadirinya dahulu dan mana yang dikemudiankan. Fikiran tamaknya tidak menemukan kata putus walhal waktu tetap beringsut.

Akhirnya dia terlewat sampai di ketiga-tiga majlis kenduri itu. Aduhai dia degil, tidak belajar dan ambil iktibar daripada pengalaman buruknya. Ketika muleh ke rumah, bekal yang diberi kepadanya oleh orang daripada sebuah majlis kenduri itu dikebas anjing semasa dia memanjat pokok kelapa untuk mengambil kira. Nira itu tumpah ketika dia turun dari pokok bagi mengejar anjing yang membawa lari bekalnya itu.

Ketika mengejar itu, parangnya tercicir dan jatuh ke sungai. Dia terjun ke sungai tanpa mengambil kira arus deras dan air bersalut tanah. Lebai Malang muleh dalam keadaan yang daif, kotor dan lapar, tanpa apa-apa rezeki pun. Tamak buruk padahnya.

Cerita Pak Kaduk ialah: Kisah kaki sabung ayam yang ayamnya selalu menang. Kerana takut, dia menukarkan ayamnya dengan ayam raja dengan keyakinan bahawa ayam raja lebih handal dari ayamnya sendiri. Taruhannya ialah kampung halaman. Dalam perlagaan itu, ayamnya yang sudah jadi milik raja itu menang. Pak Kaduk bersorak gembira dengan menyangka ayamnya itu yang menang. Benar, ayamnya tapi milik orang lain. Pak Kaduk hilang kampung halaman. Lalu orang tua-tua pun berkata *menang sorak kampung tergadai*. Bebal dan bodoh pintar memakan diri sendiri. Penulis pun teringat rangkap-rangkap syair *Rampaian Laila Syair* seperti di bawah:

Anak ayam turun dua
mari menangkai pokok angsana
di atas panggau duduk kecewa
sampai di bawah hendak ke mana.

Hendak kemana kaki berjalan
loghat apa kata bualan
benda besar jangan ditelan
haruskan leher berkebangkalan.

Jangan dibiar leher menyakul
duduk di kerusi diam bertakul
kalau berjalan membawa bakul
sakit menanai berat dipikul.

Sehubungan ini bangsa yang percaya akan kekuatannya tidak perlu bersorak. Lebih baik kita bergerak tindak secara diam tapi berkesan. Hayati sungguh-sungguh bahawa teras kekuatan bangsa di bumi Darussalam ini ialah Melayu Islam Beraja (MIB). Kesedaran ini disimpul kukuh dalam hati kita semua. Kita tidak akan membiarkan diri dilemahkan oleh mana-mana cabaran. Ambil iktibar dari Lebai Malang. Mat Jenin tidak sampai kemana. Relakah generasi akan datang menuduh kita seperti Pak Kaduk?

Pada setiap tahap perkembangan, tidak dapat dinafikan negara bangsa berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran. Ianya dihadapi dan disesuaikan hingga setiap satu pembaharuan itu dimanfaatkan sepenuhnya. Jangan gentar. Dalam diri kita ada Islam, ada Melayu, ada kekukuhan Beraja.

Jika pelajaran, pengalaman dan keteguhan semangat yang bakal kita wariskan, bukan sekadar bahan khazanah maka generasi penerus hendaklah belajar serta mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa yang tidak baik, tidak terkecuali iktibar yang dapat diambil daripada karya sastera klasik.

Harta yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita, baik dalam bentuk fizikal mahupun kesusasteraan bangsa, adalah merupakan kreativiti fikiran bangsa Melayu yang penting. Warisan budaya, jika tersilap langkah, boleh dihapus atas nama pembangunan dan globalisasi. Walhal untuk menjadi bangsa yang mempunyai kelebihannya sendiri dalam bidang apa pun, kita perlu menjadi bangsa yang kreatif, berfikiran matang bagi mencipta pembaharuan berdasarkan budaya dan nilai sendiri, tidak dengan meniru nilai dan budaya orang lain. Teras nilai kita ialah penghayatan negara MIB.

SEHUBUNGAN ini bangsa yang percaya akan kekuatannya tidak perlu bersorak. Lebih baik kita bergerak tindak secara diam tapi berkesan. Hayati sungguh-sungguh bahawa teras kekuatan bangsa di bumi Darussalam ini ialah Melayu Islam Beraja (MIB). Kesedaran ini disimpul kukuh dalam hati kita semua. Kita tidak akan membiarkan diri dilemahkan oleh mana-mana cabaran. Ambil iktibar dari Lebai Malang. Mat Jenin tidak sampai kemana. Relakah generasi akan datang menuduh kita seperti: Pak Kaduk? Pada setiap tahap perkembangan, tidak dapat dinafikan negara bangsa berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran. Ianya dihadapi dan disesuaikan hingga setiap satu pembaharuan itu dimanfaatkan sepenuhnya. Jangan gentar. Dalam diri kita ada Islam, ada Melayu, ada kekukuhan Beraja.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-17

HARAPAN YANG PERLU DIREALISASIKAN

SIDANG Kemuncak ASEAN Ke-17 di Hanoi akan bermula pada 28 hingga 30 Oktober 2010 dan ianya dijangka akan mengkaji semula pencapaian-pencapaian ASEAN dalam tahun 2010 serta membincangkan langkah-langkah menggalakkan kerjasama dengan rakan ASEAN dalam tahun 2011.

Perbincangan akan menumpukan topik-topik pada membina komuniti dan melaksanakan Piagam ASEAN, hubungan luar dan peranan penting ASEAN, pembangunan lestari dan mengatasi dengan cabaran global.

Sidang tersebut akan dihadiri oleh ketua-ketua kerajaan ASEAN, pemimpin-pemimpin lapan rakan ASEAN termasuk dari China, Jepun, Republik Korea, India, Russia, Australia, New Zealand dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tuan Yang Terutama Ban Ki-Moon dan kehadiran pertama Menteri Hal Ehwal Luar Negara Russia sebagai tetamu-tetamu khas Pengerusi Sidang kali ini.

Selain daripada Kemuncak ASEAN itu, terdapat ASEAN+1 Kemuncak tahunan antara ASEAN dan rakan-rakannya - China, Jepun, Republik Korea dan India; dan Kemuncak ASEAN-Russia Kedua, Kemuncak ASEAN-Australia, Kemuncak Memperingati ASEAN Zealand, Kemuncak ASEAN UN Ketiga, Kemuncak ASEAN+3 (ASEAN *plus* China, Jepun dan Republik Korea), Kemuncak Timur Asia Kelima, kemuncak ke-2, antara Jepun dan Mekong dan ASEAN *Business and Investment Summit.*

Ini juga satu peluang untuk pemimpin-pemimpin ASEAN bagi mengkaji semula kerjasama sepanjang tahun lepas dan mengusahakan orientasi-orientasi dan keutamaan difokuskan untuk tahun yang berikutnya ke arah peningkatan kerjasama ASEAN dan hubungan antara ASEAN dan rakan-rakannya.

Sidang kemuncak dijangka mengambil Kenyataan Pengerusi pada hasil Sidang Kemuncak ASEAN Ke-17 itu. Dengan tema tahun ini - *'Menuju Komuniti ASEAN: Daripada Wawasan Kepada Tindakan'*, pemimpin-pemimpin ASEAN akan meluluskan satu pelan induk pada persambungan ASEAN, satu deklarasi kepada pembangunan sumber manusia dan kemahiran untuk pemulihan ekonomi dan pembangunan lestari, deklarasi Hanoi bagi meningkatkan kebajikan masyarakat dan wanita dan perkembangan kanak-kanak.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama ketua-ketua negara ASEAN yang ke *16th ASEAN SUMMIT* Hanoi Vietnam. - Foto : Haji Mohammad. Yussof Mohammad. Yassin.

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

ASEAN dan rakan-rakannya akan menggunakan sejumlah dokumen-dokumen penting, termasuk kenyataan pemimpin-pemimpin ASEAN China pada pembangunan lestari, deklarasi bersama perkongsian strategik ASEAN-Republik Korea untuk keamanan dan kemakmuran, deklarasi Hanoi pada ulang tahun kelima Sidang Kemuncak Asia Timur dan rancangan tindakan tempoh 2011-2015.

Apa yang diharapkan dalam kemuncak ini akan mewujudkan kelebihan yang saling melengkapi. Melalui pembangunan dalam jangka masa yang panjang, mekanisme kerjasama utama yang diwakili oleh sepuluh buah negara-negara anggota ASEAN, ASEAN 10+1, ASEAN 10+3, China-Jepun-Republik Korea dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) telah dibentuk. Bagaimana untuk mara ke depan dengan arah yang tepat dan bagaimana mewujudkan kelebihan yang saling melengkapi merupakan satu masalah lagi yang dihadapi dalam kerangka kerjasama serantau ini.

Apa yang diharapkan pelbagai mekanisme bagi Asia Timur ini menjurus kepada matlamat untuk menggalakkan kedamaian dan kemakmuran serantau, memperlihatkan peranan masing-masing, saling melengkapi kekurangan masing-masing dan mewujudkan pembangunan bersama.

Di samping itu ianya juga dapat meningkatkan penyelarasan. Negara-negara Asia Timur mempunyai kepentingan yang sama dalam beberapa banyak masalah global. Mengeluarkan suara Asia Timur dalam masalah pembaharuan sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa, penentangan terhadap dasar perlindungan perdagangan, Rundingan Pusingan Doha, perubahan iklim, keselamatan bahan makanan dan keselamatan sumber tenaga merupakan harapan bersama bagi negara-negara serantau.

Inilah harapan agar negara-negara yang terlibat dapat mencari persamaan dan mengetepikan perselisihan daripada pandangan umum, bertukar-tukar pendapat mengenai masalah antarabangsa dan serantau yang menjadi perhatian bersama, dan menyumbang kepada pembangunan harmoni dan kemajuan peradaban Asia dan dunia.

HASRAT

Pemimpin kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyambut baik hasrat itu menekankan pentingnya kesalinghubungan ASEAN kerana usaha sedemikian menurut baginda akan dapat memainkan peranan utama dalam membina Komuniti ASEAN. Malah pemimpin kita penuh percaya kesalinghubungan dapat membantu aliran barang perdagangan, perkhidmatan, modal dan tenaga manusia yang mahir.

"Perkara-perkara ini dapat meningkatkan lagi perkembangan ekonomi dan mendatangkan pelbagai peluang. Perkara ini menjadi lebih jelas dengan pencapaian Komuniti Ekonomi ASEAN terutamanya dengan menghapuskan hampir keseluruhannya cukai pada Januari 2010. Kesalinghubungan ini juga akan dapat mengukuhkan usaha-usaha rantau ASEAN dalam menangani cabaran dunia seperti perubahan iklim, bencana alam, keselamatan makanan dan tenaga," titah baginda.

Keramaian penduduk ASEAN ialah 580 juta pada keseluruhannya yang mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar sejumlah USD1.5 trilion pada tahun 2008 dan jumlah dagangan USD1.7 trilion akan terus bergerak ligat dalam memenuhi aspirasi rakyat dan penduduknya. Gagasan membina komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 mahu direalisasikan kerana ianya merupakan jantung kepada Piagam ASEAN yang telah ditandatangani oleh para pemimpin pada Mac 2009.

Apa yang dihasratkan ialah dengan komitmen yang tinggi daripada kesemua pemimpin ASEAN, hasrat untuk merealisasikan impian pembentukan Komuniti ASEAN akan tercapai seperti apa yang dalam tema Sidang Kemuncak ASEAN Ke-17 di Bandar Raya Hanoi ini *'Ke Arah Pembentukan Komuniti ASEAN - Daripada Wawasan Kepada Tindakan'.*

KEBAWAH DYMM MENGURNIAKAN KUNCI KEPADA 141 ORANG PENERIMA

PERUMAHAN RAKYAT DIUTAMAKAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anak kunci rumah kepada penerima (atas dan bawah).

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Nooratini Haji Abas
Foto : Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said

Dari muka 1

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Sekolah Vokasional Wasan, Kampung Limau Manis dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Dalam sembah alu-aluannya, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin menyembahkan keberangkatan Kebawah DYMM itu merupakan satu anugerah serta penghormatan yang amat tinggi nilainya dan memberi makna yang amat besar kepada para penerima.

Tidak syak lagi, katanya, kurnia penganugerahan itu mencerminkan sikap keprihatinan, pemedulian serta kasih sayang baginda terhadap rakyat baginda yang bernaung di bumi Brunei Darussalam yang sentiasa diberkati lagi amat bertuah ini.

Baginda seterusnya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah STKRJ Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B').

Di majlis itu seramai 127 penerima jenis rumah 'E' bagi Kampung Lumapas 'A', sembilan penerima jenis rumah 'D' dan lima penerima jenis rumah 'E' bagi Kampung Mata-Mata (Katok 'B') menerima anak kunci rumah masing-masing.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara.

Lebih 69 ribu permohonan telah diterima sejak Rancangan Perumahan Negara (RPN) dibukakan pada tahun 1980 dan STKRJ pada tahun 1984, iaitu lebih 50 ribu bagi RPN dan lebih 19 ribu bagi STKRJ.

Manakala sehingga Oktober tahun ini, lebih 3,592 buah rumah telah diperuntukkan kepada para pemohon yang berjaya di bawah STKRJ. Lebih 1,000 pemohon di bawah STKRJ telah mendapat perkenan dari Kebawah DYMM dan masih menunggu bagi peruntukan rumah dari tahun permohonan.

Sementara itu, kira-kira 17,500 buah rumah lagi akan siap dibina sehingga tahun 2014 yang mana lebih 10 ribu buah rumah sedang dan akan dibina dan dijangka siap sehingga tahun 2012, manakala 7,500 buah rumah lagi sedang dan akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan dijangka siap sehingga tahun 2012 dan 2014.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke rumah seorang pemohon (atas), sementara gambar bawah kiri, baginda mengabadikan gambar kenangan, manakala gambar bawah, menerima pesambah dan berkenan menandatangani lembaran keberangkatan (kanan sekali).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah bersama seorang warga emas (atas dan bawah).

BAGINDA ketika berangkat menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong.

"KURNIA penganugerahan itu mencerminkan sikap keprihatinan, pemedulian serta kasih sayang baginda terhadap rakyat baginda yang bernaung di bumi Brunei Darussalam yang sentiasa diberkati lagi amat bertuah ini."

- Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin

Interaksi raja bersama rakyat

Dari muka 1

Juga disingahi baginda adalah kediaman Pengiran Nor Kamarol Shah bin Pengiran Mohammed dan juga kediaman Awang Hassanuddin bin Haji Suhaily.

Semasa lawatan itu, para penerima anak-anak kunci rumah berpeluang beramah mesra bersama baginda yang dicintai sambil menyembahkan terima kasih atas penganugerahan baginda yang tidak terhingga itu.

Terdahulu baginda berkenan berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Hassan yang dilantik menjadi Ketua Kampung pada 13 Disember 2007.

Kawasan-kawasan yang termasuk di dalam Kampung Lumapas 'A' adalah Kampung Membarong, Kilugus, Pancor, STKRJ Lumapas 'A', Bukit Bunga, Buang Tekurok dan Kampung Sengkirap dengan keluasan 13,057 kilometer persegi.

Kampung Lumapas 'A' mempunyai 184 buah rumah dengan lebih 1,250 orang penduduk serta menerima pelbagai kemudahan awam seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, telefon, masjid selain memiliki sekolah rendah dan sekolah agama.

Di samping berkhidmat dengan kerajaan, para penduduknya juga bergiat aktif dalam pelbagai projek dan aktiviti perekonomian serta penghasilan produk kampung seperti tenunan kain songket, pembuatan songkok, perhiasan manik dan kristal.

Juga dilawati baginda adalah kediaman Ketua Kampung Beribi, Awang Haji Zaini bin Dato Paduka Haji Othman yang mula dilantik menjadi Ketua Kampung pada 5 Mac 2007.

Kampung Beribi mempunyai seramai lebih 8,400 penduduk dengan lebih 1,000 buah rumah di atas keluasan 636.97 hektar.

Setakat ini kampung berkenaan memiliki pelbagai kemudahan seperti sekolah agama, sekolah rendah, balai bomba, bekalan air dan elektrik.

Berdoa: Secara *Israr* Atau *Jahr*?

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn-Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 370

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMPERBANYAKKAN doa dan dzikir merupakan antara ibadat yang digalakkan untuk diamalkan. Berdzikir, mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semestinya dilakukan pada setiap masa dan dalam apa jua keadaan, sama ada ketika senang mahupun susah. Begitu juga dengan berdoa, hendaklah sentiasa menjadi amalan lebih-lebih lagi di waktu senang dan mewah. Ini kerana seseorang yang suka berdoa di waktu senang, maka apabila tiba waktu susah, doanya akan mudah diperkenankan sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, **maksudnya:** *"Barang siapa suka supaya dikabulkan doanya oleh Allah di waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa di waktu senang."* (Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Amalan Berdoa Selepas Sembahyang

Seseorang yang selesai menyempurnakan sembahyang fardhu, adalah disunatkan dan dituntut untuk berdzikir dengan mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta berdoa, sama ada dia imam atau makmum dalam sembahyang berjemaah. Begitu juga bagi mereka yang bersembahyang bersendirian, termasuklah orang yang sedang musafir.

Amalan berdzikir dan berdoa selepas sembahyang ini sabit daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri, seperti yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim. Contoh lafaz doa dan dzikir yang warid dan diamalkan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* juga banyak tersusun dan disebutkan dalam banyak hadits shahih, antaranya yang diriwayatkan oleh kedua Imam yang disebutkan, iaitu al-Bukhari dan Muslim.

Bahkan kelebihan berdoa selepas sembahyang fardhu juga tidak boleh dipandang ringan dan ditinggalkan begitu sahaja. Diriwayatkan daripada Abu Umamah *Radhiallahu 'anhu* katanya: "Telah ditanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam,* **Maksudnya:** *"Doa apakah yang lebih didengar (dikabulkan)?"*

Nabi bersabda: "(Doa tatkala) satu pertiga terakhir malam dan sesudah sembahyang-sembahyang fardhu." (Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Namun untuk mendapatkan fadhilat atau kelebihan yang dimaksudkan, di samping memenuhi syarat-syarat tertentu, orang yang berdoa hendaklah mematuhi adab-adab ketika berdoa dengan sebaik mungkin.

Antara Adab Ketika Berdoa

Dalam Islam semua ibadat mempunyai rukun-rukun, syarat-syarat dan adab-adabnya, atau mana-mana yang berkenaan. Demikian juga ketika berdoa ada adab-adabnya, antaranya merendahkan suara di antara suara rendah dan nyaring. Perkara ini telah disebutkan dalam al-Qur'an, antaranya, **tafsir-Nya:** *"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut."* (Surah al-A'raf: 55)

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* lagi, **tafsir-Nya**: *"Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu."* (Surah al-Isra': 110)

Selain itu perkara ini juga ditekankan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* melalui sabda Baginda yang diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari *Radhiallahu 'anhu,* **maksudnya:** *"Wahai Manusia! Berlembutlah (rendahkanlah suara) kamu terhadap diri kamu, sesungguhnya kamu tidak berdoa kepada yang tuli dan tidak juga yang ghaib (tidak bersama kamu). Sesungguhnya Dia bersama kamu. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Dekat, Maha Berkat namaNya dan Maha Tinggi kebesaran-Nya."* (Hadits riwayat al-Bukhari)

Maksud *Israr* (perlahan) dan *Jahr* (nyaring)

Israr dalam bacaan sembahyang dan zikir menurut istilah fiqh ialah memperlahankan suara yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri (seperti orang yang berbisik) tanpa didengar oleh orang lain, dan sekurang-kurang *israr* ialah bunyi yang keluar dari pergerakan lidah.

Jahr pula dari segi bahasa ialah menampakkan sesuatu dan ketinggiannya. Menurut istilah pula bererti menampakkan sesuatu atau memperlihatkannya seperti meninggikan suara dengan nyaring ketika sembahyang sehingga dapat didengar oleh orang lain.

Adapun yang dimaksudkan dengan bacaan pertengahan di antara *jahr* dan *israr* itu ialah suara yang pada kebiasaannya yang didengar antara keduanya, iaitu bacaan yang nyaring sedikit daripada bacaan yang hanya didengar olehnya sendiri dan tidak sampai suara bacaan itu kepada orang lain.

Berdoa Secara *Israr* Atau *Jahr*

Dalam perkara doa dan dzikir selepas sembahyang fardhu, bagaimanakah cara yang utama yang dianjurkan oleh syara' untuk dikerjakan, apakah disunatkan *israr* atau *jahr*?

Hukum mengenai perkara ini tergantung kepada keadaan tertentu. Menurut ulama bahawasanya sunat berzikir dan berdoa setelah selesai sembahyang fardhu dengan suara perlahan *(israr)* bagi:

1. *Munfarid*, iaitu orang yang mengerjakan sembahyang seorang diri;
2. Ma'mum;
3. Imam, jika dia tidak bermaksud mengajar para hadirin ataupun para jama'ah, (sama ada dia itu makmum ataupun selain makmum) dan tidak bermaksud supaya para hadirin mengaminkan doanya (imam) ketika mendengar doanya itu.

Sebaliknya jika seorang imam itu bertujuan untuk membimbing ma'mum, maka bolehlah di*jahr*kan kedua-duanya, iaitu zikir dan doa itu.

Menyaringkan Suara Sehingga Menimbulkan Gangguan

Adalah makruh hukumnya bagi orang yang berdzikir, orang yang berdoa, orang yang membaca al-Qur'an di luar sembahyang, orang yang berceramah atau guru yang mengajar, menyaringkan atau mengangkat suaranya sehingga menimbulkan gangguan kepada orang lain yang berada di dalam masjid seperti orang yang sedang tidur, orang yang sedang bersembahyang dan seumpama mereka.

Walau bagaimanapun sebagai langkah berhati-hati, orang yang bukan bersembahyang hendaklah juga menjaga agar jangan sampai berlebih-lebihan pada mengangkat suara sehingga benar-benar mengganggu atau menyulitkan orang yang **sedang bersembahyang**. Ini kerana terdapat pendapat ulama yang mengatakan adalah haram jika seseorang itu berdzikir atau berdoa secara berlebih-lebihan di dalam masjid sehingga mengganggu orang yang bersembahyang.

Ini sebagaimana yang dinukilkan oleh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari *Rahimahullah* bahawa Imam Ibnu Hajar *Rahimahullah* berkata:

"Adapun berlebih-lebihan pada mengangkat suara di dalam masjid ketika membaca zikir dan doa sekira-kira mengganggu orang yang sedang mengerjakan sembahyang, maka sayugia dihukumkan haram."

Sebagai kesimpulan, bagi orang yang sembahyang seorang diri dan makmum adalah lebih baik berdoa dengan suara yang perlahan sekadar hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri. Manakala dalam sembahyang berjama'ah pula adalah sunat bagi imam membaca doa dengan suara yang sekira-kira boleh didengar oleh jama'ahnya jika ia bertujuan untuk mengajar mereka (jama'ah), atau untuk mereka sama-sama mengaminkan doa yang dibacakan imam.

Pada keadaan tertentu, menyaringkan suara bila berdoa adalah makruh jika ia mengganggu orang lain yang tidur, bersembahyang dan seumpamanya. Sebagai langkah berhati-hati, elakkan daripada berlebih-lebihan menyaringkan atau mengangkat suara terutama di dalam masjid sehingga **orang yang sedang bersembahyang** terganggu sebagaimana pendapat beberapa ulama yang mengatakan perbuatan sedemikian adalah haram.

Dalam hubungan ini bayangkanlah jika seseorang seumpama imam atau pegawai masjid, pada hari Jumaat atau hari-hari yang lain, mengumumkan dengan suara yang nyaring (umpamanya dengan menggunakan alat pembesar suara) mengenai sesuatu perkara seperti menjemput ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid menghadiri mesyuarat, menyatakan aktiviti-aktiviti atau kegiatan masjid dan memohon bantuan, sedang pada ketika itu tengah berlaku bermacam-macam aktiviti para jemaah, seperti ada yang sedang melakukan sembahyang sunat, atau membaca al-Qur'an atau berdzikir. Maka wajarnya kita elok mencari pendekatan yang lain mengenai perkara-perkara di atas demi meraikan pendapat beberapa ulama yang mengatakan perbuatan sedemikian itu ditegah.

WALLAHU'ALAM

Menunaikan Fardu Haji

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

IBADAH Haji merupakan satu kewajipan bagi umat Islam yang sudah mampu untuk melaksanakannya, baik secara jasmani mahupun secara rohani. Mampu di sini menunjukkan kepada kemampuan untuk menyediakan bekal selama perjalanannya menunaikan haji sehingga dia pulang ke tanah airnya. Seorang fakir yang tidak mempunyai harta yang tidak mampu menanggung perbelanjaan kehidupannya serta keluarganya maka tidaklah wajib baginya melaksanakan ibadah haji. Dan begitu juga ketika seseorang yang memiliki harta yang cukup tetapi tidak ada kenderaan untuk pergi melaksanakan ibadah haji kerena tempatnya yang jauh dan tidak boleh ditempuhi dengan berjalan kaki ataupun perjalanannya tidak aman atau situasi perjalanan yang membahayakan maka tidak wajib baginya ibadah haji, kerana semua itu dikategorikan kepada tidak mampu dan tidak wajib melakukan ibadah haji.

Haji merupakan salah satu Rukun Islam. Islam sangat menganjurkan kepada umatnya untuk melaksanakan ibadah haji tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadisnya memotivasi kita untuk melaksanakannya yang bermaksud:

"Barang siapa yang melaksanakan ibadah haji, kemudian tidak berkata kotor dan tidak berbuat kefasiqkan, akan dibersihkan dosadosanya, sebagaimana waktu ia baru dilahirkan oleh ibunya."

Dalam hadis lain Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud: *"Haji mabrur tidaklah ada balasannya kecuali Syurga."* Begitu pentingnya ibadah haji ini sehingga Rasulullah sangat menganjurkan ibadah ini dengan mengumpamakan seorang yang sudah melaksanakan ibadah haji akan suci sebagaimana seorang bayi yang baru dilahirkan ke muka bumi, begitu juga bagi orang yang melaksanakan ibadah haji dan ia memperolehi haji yang *mabrur*, maka dia akan mendapat balasan Syurga, sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis tadi.

Allah Subhanahu Wata'ala juga berfirman dalam Surah Al Baqarah ayat 197, tafsir-Nya:

"(Musim untuk mengerjakan) ibadah haji itu ialah pada beberapa bulan yang termaklum. Oleh itu sesiapa yang telah mewajibkan ke atas dirinya (dengan niat ihram mengerjakan) ibadat haji pada bulan-bulan itu, maka tidak boleh mencampuri isterinya dan tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan ianya diketahui oleh Allah. Dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya, maka sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa. Dan bertakwalah kamu kepada-Ku wahai orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala ini menegaskan kepada kita bahawa ketika kita sudah berazam (menetapkan niat) untuk melaksanakan ibadah haji, hendaklah dia mempersiapkan dirinya dengan sebaik-baiknya. Persiapan itu adalah seperti tidak berkata-kata perkara yang kotor, berbuat *fasiq* dan berbantah-bantahan ketika melaksanakan ibadah haji. Kerana ibadah haji merupakan ibadah yang sangat mulia, Allah Subhanahu Wata'ala mengisyaratkan untuk benar-benar membersihkan dirinya dari sifat-sifat, tingkah laku dan akhlak yang tercela. Hal ini adalah saranan untuk mendapatkan haji yang *mabrur* yang sudah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada akhir ayat ini sangat jelas diterangkan bahawa sebaik-baik bekal untuk melaksanakan ibadah haji adalah takwa. Persiapan menjelang ibadah haji adalah dengan meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Melakukan amalan-amalan wajib dan sunnah untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Ertinya seseorang yang akan melaksanakan ibadah haji sudah tergambar kebersihan dirinya sebelum melaksanakan ibadah tersebut. Berbeza dari yang banyak difahami orang bahawa kebersihan diri didapatkan setelah melaksanakan ibadah haji. Banyak orang beranggapan bahawa setelah haji dia akan lebih taat kepada Allah. Ketahuilah bahawa setiap perbuatan atau ibadah yang kita lakukan, berjaya atau tidaknya banyak tergantung kepada persiapan dan perbekalan yang sudah disiapkan.

Banyak makna-makna yang tersirat dalam pelaksanaan ibadah haji, di antara rukun-rukun ibadah haji sebagai berikut:

• *Ihram* dari *Miqat* mengajarkan kita supaya mendisiplinkan diri dalam menjalankan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Ketika melakukan *ihram* melampaui *miqat*, maka seseorang akan dikenakan *dam*. Begitulah ibadah haji mengajarkan kepada seorang Muslim untuk berdisiplin dan taat kepada aturan Allah. Dengan memakai pakaian *ihram* yang tidak berjahit dan berwarna putih mengajarkan kita kepada persamaan darjat. Ketika seseorang memakai pakaian *ihram*, tidak akan nampak perbezaan pangkat dan darjat di kalangan mereka hanya ketakwaan kepada Allah sajalah yang membezakan kita.

• *Tawaf* bererti mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali. *Tawaf* ini diumpamakan seperti sembahyang. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tawaf mengelilingi kaabah adalah seperti sembahyang akan tetapi kamu boleh berbicara di dalamnya dan barang siapa yang berbicara maka hendaklah membicarakan hal yang baik-baik."

• *Sa'i* iaitu berlari-lari kecil antara Bukit Safa dan Marwa semata-mata untuk melakukan ibadah kepada Allah, mengingatkan kita pengorbanan seorang ibu terhadap anaknya yang sedang kehausan, iaitu Siti Hajar dengan anaknya Nabi Ismail Alaihissallam.

• *Wukuf* di Arafah, mengajarkan kita makna kebersamaan dan mengingatkan kita akan Hari Kiamat di mana manusia dikumpulkan di Padang Mahsyar untuk mempertanggungjawabkan perbuatannya di dunia, dengan melakukan *wukuf* di Arafah. Para *hujjaj* merasakan bahawa hari berkumpul di Padang Mahsyar itu pasti ada dan setiap kita akan diminta pertanggungjawabkannya. *Wukuf* di Arafah merupakan rukun yang terpenting dalam ibadah haji, sehingga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengatakan *al-hajju Arafah,* ertinya: Haji itu adalah Arafah.

Kemudian setelah *wukuf* di Arafah, para *hujjaj* bermalam di Muzdalifah kemudian di Mina, para jemaah haji akan melakukan *jumara'at,* iaitu: Melemparkan batu kerikil sebanyak tujuh biji ke tempat *jumara'at* masing-masing. Ini memberikan makna bahawa kita sentiasa berjuang untuk melawan hasutan iblis dan syaitan yang sentiasa mengganggu manusia.

Ibadah haji merupakan *muktamar* besar umat Islam di seluruh pelusuk dunia dan datang bersama-sama untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Suatu ibadah yang tidak dimiliki oleh agama lain ini tentunya akan mempereratkan persatuan dan kesatuan umat dan akan terjalin *ukhuwwah Islamiah* yang menyeluruh bagi umat manusia daripada seluruh dunia. Ibadah haji mengajarkan kita sikap *thawadhu',* melupakan pangkat dan darjat, tidak ada perbezaan antara orang kaya dan miskin, tidak ada perbezaan pakaian melainkan pakaian *ihram* yang disarankan, bersama-sama berkumpul di Arafah, tidak membicarakan perkara-perkara yang mungkar, tidak ada yang meninggikan mereka melainkan darjat ketakwaan mereka di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT), AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN: 27 OKTOBER 2010
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 10 NOVEMBER 2010
BILANGAN IKLAN: 43/10/10 (SPA/BMI)

PERATURAN 7(a)

Syarat-Syarat Am:
a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
d) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN.**

1. GURU BAGI ORANG-ORANG TULI
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.11 ($1,920 - $3,250 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan atau bidang bersesuaian.
ATAU
ii) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam kerjaya pendidikan dalam tanggagaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
iii) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas serta berkhidmat dengan Kerajaan dalam kerjaya pendidikan tidak kurang dari 7 tahun.
b) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

2. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
C.3-4 EB.5 ($1,990 - $2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=4

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Bangunan (B&C) / Kejuruteraan Mekanikal (M&E) / Ukur Bahan (QS) atau bidang bersesuaian.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

3. PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 ($1,990 - $2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM :
a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Perangkaan Rendah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

4. MERINYU KANAN BANDARAN
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.2 EB.3 ($1,450- $2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Merinyu Bandaran dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.
ATAU
iii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

5. PENOLONG KERANI SULIT
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.3 EB.4-5 ($900 - $1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=41

KELAYAKAN MINIMUM:
a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang *Secretarial Studies* yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal.
ATAU
b) i) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah keutamaan.
ii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
ATAU
c) i) 1 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding;
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam Bahagian IV tidak kurang dari 3 tahun.
iii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 p.s.m dan Sijil Menaip dengan kepantasan 40 p.s.m atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
d) Boleh mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

6. PEMBANTU BANDARAN TINGKAT II
JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
D.1-2-3 EB.4-5 ($530- $1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=8

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringat Biasa atau sebanding.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

7. KERANI
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1-2-3 EB.4-5 ($530- $1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=50

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Pejabat (Pelayan) dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
b) Bagi calon di para a) ii):-
i) Telah lulus Peperiksaan Kerani Rendah bagi penetapan jawatan.
ii) Sekurang-kurangnya telah mengikut kursus-kursus Induksi dan Profesional bagi Pembantu Pejabat yang dikendalikan Institut Perkhidmatan Awam.
c) Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.

8. PEMERIKSA BANGUNAN
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
D.1-2-3 EB.4-5 ($530 - $1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Brunei-Cambridge Peringkat Biasa; atau sebanding.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dengan tugas-tugas pemeliharaan bangunan serta pemeriksaan bangunan dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 8 tahun.
b) Berkebolehan membaca peta bangunan serta menyediakan laporan-laporan mengenai perkara-perkara yang berhubungkait dengan bangunan adalah keutamaan.

9. PEMBANTU PERIKANAN RENDAH
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
D.1 EB.2-3 ($530 - $1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2

KELAYAKAN MINIMUM:
a) i) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding termasuk mata pelajaran sains.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.
b) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 9:

PENYAMBUT TETAMU TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455 (BHG. IKLAN)

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

GH10 PEGAWAI PROJEK
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:
a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Perniagaan / Kejuruteraan atau bidang bersesuaian.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH10:

SETIAUSAHA, JAWATANKUASA PENGAMBILAN KAKITANGAN JPKE
JABATAN PENTADBIRAN & ICT
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
ARAS 2A, JALAN ONG SUM PING
BANDAR SERI BEGAWAN, BA 1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBETULAN IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM MENURUT PERATURAN 7(a)
KELUARAN 20 OKTOBER 2010
TARIKH TUTUP 03 NOVEMBER 2010
BILANGAN IKLAN: 42/10/10 (SPA/BMI)

2. PEGAWAI TEKNOLOGI PENDIDIKAN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
UB.1 EB.2 ($2,450 - $4,240 SEBULAN) ATAU
UB.1 ($2,450 - $3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:
1. a) **TANGGAGAJI UB.1 EB.2:**
Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Teknologi Pendidikan atau bidang bersesuaian.
b) **TANGGAGAJI UB.1**
i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Teknologi Pendidikan atau bidang bersesuaian serta berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
ii) Berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

NOTA: Tempat menghantar borang dan tarikh tutup iklan untuk jawatan ini adalah dikekalkan.

Lihat Muka 16

Dari muka 15

PEMBERITAHUAN:

1. Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
2. Bagi iklan jawatan **bilangan 1 hingga 9** isikan satu (1) salinan sahaja borang **SPA1 atau SPA2.**
3. Bagi iklan jawatan **bilangan GH10** isikan satu (1) salinan sahaja borang **SPA1.**
4. Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
5. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
6. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
   a. **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
   b. **Rekod Perkhidmatan** yang lengkap.
7. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
   a. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.
8. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut.**
9. Permohonan yang diterima lewat daripada **10 NOVEMBER 2010 tidak dilayan.**
10. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;
    a. Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);
    b. Melihat Papan Kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
    c. Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu **http://www.spa.gov.bn/**
11. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
    Pejabat Daerah Belait;
    Pejabat Daerah Temburong.
    Pejabat Daerah Tutong;
    Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN

JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

ADALAH dengan ini Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP (***LUMP SUM***) bagi barang-barang / alat-alat perkakas Hospital RIPAS yang rosak / terpakai.

Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Pejabat Pentadbiran Bahagian

Penghapusan dari kira-kira Tingkat 1, Blok OPD Hospital RIPAS, Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dihantar kepada:

PETI TAWARAN TERTUTUP
Bahagian Penghapusan dari Kira-kira
Pejabat Pentadbiran
Tingkat 1, Blok OPD
Hospital RIPAS, Negara Brunei Darussalam.

Pembeli / Pengusaha / Syarikat yang berminat bolehlah menghubungi di talian 2242424 sambungan 1534 atau datang terus ke Hospital RIPAS untok membuat penaksiran harga dan mengenal pasti bagi barang-barang / perkakas-perkakas tersebut.

Pembeli / Pengusaha / Syarikat yang berjaya hendaklah memunggah barang-barang tersebut dalam tempoh 1 minggu setelah berjaya menerima surat makluman.

Pembeli / Pengusaha / Syarikat yang berjaya mestilah menyediakan kelengkapan pengangkutan pekerja-pekerja dari mengelakkan jangkitan kuman atau bahaya.

Pembelian / Pengusaha / Syarikat yang berjaya juga hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk Hari Kelepasan Awam) setelah berjaya menerima surat makluman.

Tarikh Tutup tawaran ialah pada **3 Zulhijah 1431 bersamaan 9 November 2010 jam 9.00 pagi.**

PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA HOSPITAL RIPAS
LELONG TERTUTUP/SEBUT HARGA TAWARAN (LUMP SUM)
TARIKH: 9 NOVEMBER 2010 JAM: 9.30 PAGI
TEMPAT: TINGKAT 1 BILIK MEETING PEJABAT PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

CEO/HRIPAS/13/1983-01 (05-2010) - 12/5/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
OB 067/2010 (C5, C12, B5, A14) LIGHT MICROSCOPE
OB 068/2010 (C5, C12, B5, A14) DUAL LIGHT & FLOURESCENT MICROSCOPE
OB 069/2010 (C5, C12, B5, A14) INCUBATOR
OB 070/2010 (C5, C12, B5, A14) INCUBATOR
OB 071/2010 (C5, C12, B5, A14) REFRIGERATED CENTRIFUGE
OB 072/2010 (C5) DIGITAL WEIGHING TABLE TOP MACHINE

CEO/HRIPAS/13/1983-02(05-2010) - 20/05/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
OB 079/2010 (12) BP. SET
OB 080/2010 (12) MEDICAL INFUSION PUMP

CEO/HRIPAS/13/1983-03(05-2010) - 18/05/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
15251-OB 099/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15252-OB 100/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15253-OB 101/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15254-OB 102/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15255-OB 103/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15256-OB 104/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15257-OB 105/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15258-OB 106/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15259-OB 107/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15260-OB 108/2010 (C12) ANAESTHETIC DELIVERY UNIT
15261-OB 109/2010 (C12) ECG MONITOR
15262-OB 110/2010 (C12) PATIENT CONTROL ANALGESIA
15263-OB 111/2010 (C12) SYRINGE PUMP
15264-OB 112/2010 (C12) SYRINGE PUMP
15265-OB 114/2010 (C12) SYRINGE PUMP
15266-OB 115/2010 (C12) SYRINGE PUMP
15267-OB 116/2010 (C12) INFUSION PUMP
15268-OB 117/2010 (C12) INFUSION PUMP
15269-OB 118/2010 (C12) RESUSCITAIRE BABY WARMER
15270-OB 119/2010 (C12) VITAL SIGNS MONITOR
15271-OB 120/2010 (C12) ELECTROSURGICAL GENERATOR

CEO/HRIPAS/13/1983-04(05-2010) - 29/05/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
15325-OB 123/2010 (D6) VOLUMETRIC PUMP
15326-OB 124/2010 (D6) VOLUMETRIC PUMP
15327-OB 125/2010 (D6) VOLUMETRIC PUMP
15328-OB 126/2010 (D6) VOLUMETRIC PUMP
15329-OB 127/2010 (D6) VOLUMETRIC PUMP
15342-OB 128/2010 (D6) PATIENT MONITOR
15343-OB 129/2010 (D6) MULTI PARAMETER BED SIDE MONITOR

CEO/HRIPAS/13/1983-01(06-2010) - 12/6/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
OB 39/2009 (B5) LITHOTRIPTER (TECHNOMED MEDICAL SYSTEMS)

CEO / HRIPAS / 13/ 1983 –LT 03 (04-2010) - 28/04/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
6/2009 LT 296 Monitor CRT (ACER)
6/2009 LT 297 CPU COMPAQ PRESARION
6/2009 LT 304 MONITOR ACER

CEO / HRIPAS / 13/ 1983 –LT 01 (05-2010) - 20/05/2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
LT-17 (05-2010) MESIN FOTOKOPI MODEL CANON NP6050

CEO / HRIPAS / 13/ 1983 -01 (07-2010) - 30-Jun-10

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
OBP 168/2010 SOFA TWO (2) SEATED (BLACK)
OBP 169/2010 SOFA SINGLE SEATED (BLACK)
OBP 170/2010 SOFA SINGLE SEATED (BLACK)
OBP 171/2010 SOFA SINGLE SEATED (BLACK)
OBP 172/2010 SOFA SINGLE SEATED (BLACK)
OBP 173/2010 SOFA THREE (3) SEATED (BLACK)
OBP 174/2010 SOFA THREE (3) SETED (BLACK)
OBP 177/2010 WAITING CHAIR WTH ARM REST (BLACK)
OBP 180/2010 LINEN DISPOSAL STAND
OBP 181/2010 WAITING CHAIR WITHOUT ARM REST (BLACK)
4824 OBP 144/2010 KERUSI HITAM (DINNING CHAIR- (23 UNIT)
4825 OBP 145/2010 KERUSI PLASTIK MERAH (1 UNIT)
4826 OBP 146/2010 KERUSI HITAM (1 UNIT)
4827 OBP 147/2010 DRYER ELBA DUAL HEAT SENSOR DRY (I UNIT)
4828 OBP 148/2010 FILE TROLLEY (I UNIT)
4829 OBP 231/2010 FORTABLE OXYGEN CYLINDER CARRIER (1UNIT)

CEO / HRIPAS / 13/ 1983 -02 (07-2010) - 30 Jun 2010

NO. RUJUKAN / JOB NO. - NAMA BARANG
OBP 218/2010 ECG MACHINE - MORTARA
OBP 219/2010 WHEELCHAIR WEIGHING SCALE
OBP 220/2010 HAEMODIALYSIS MACHINE BME 2447 (RD200)
OBP 221/2010 HAEMODIALYSIS MACHINE BME 3546 (RD200)
OBP 222/2010 REVERSE OSMOSIS - EV ITEM NO-2
OBP 223/2010 REVERSE OSMOSIS - EV ITEM NO-2
OBP 224/2010 REVERSE OSMOSIS - EV ITEM NO-3
OBP 225/2010 ACTIVATED CARBON FILTER VESSEL (2 NOS)
OBP 226/2010 SOFTENER VESSEL - 2 NOS
OBP 227/2010 DUAL MEDIA FILTER VESSEL - 2 NOS
OBP 228/2010 FILTER WATER TANK - 1 NOS
OBP 229/2010 TREATED WATER TANK - 2 NOS

KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran : JPPK/LTN/24/2010
PROPOSED EXTENSION TO EXISTING BAND BUILDING, BOLKIAH GARRISON - ACOUSTICAL ENHANCEMENT

Bayaran Tawaran : **$100.00**
(tidak dikembalikan)

Kelas : **IV**

Kategori : **B01**

Tempoh penyiapan : 4 bulan

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat 2.00 petang, hari Selasa, 23 November 2010.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat) **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 19 November 2010, hari Jummat, jam 4.00 petang.**

No. Tawaran : JPPK/LTN/25/2010
PROPOSED SEMI D-HOUSE (3 BR) - 6 UNIT FOR SADDLE CLUB STAFF AT BERAKAS GARRISON

Bayaran Tawaran : **$100.00**
(tidak dikembalikan)

Kelas : **IV DAN ABOVE**

Kategori : **B01**

Tempoh penyiapan : **6 bulan**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat 2.00 petang, hari selasa 23 November 2010.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat) **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 19 November hari Jummat jam 4.00 petang.**

No. Tawaran : -
Tajuk Projek : PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP - REDEVELOPMENT OF JUNIOR RANK FAMILY ACCOMODATION AT BERAKAS GARRISON (SOAL JAWAB PRA KELAYAKAN)

Bayaran Tawaran : **$500.00**

(tidak dikembalikan)

Kelas : **VI**

Kategori : **B01**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat 2.00 petang, hari Selasa, 9 November 2010**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat) **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 5 November 2010, hari Jummat, jam 4.00 petang.**

Bayaran tawaran, *Tender fee* dan *Dokumen fee* hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-

Waktu Hari-Hari Biasa

Isnin, Selasa, Khamis -
8.00 pagi - 11.30 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

TAWARAN adalah dipelawa bagi mendapatkan **BILANGAN PENDAFTRAN SIRI BAE 11 HINGGA BAE 9999.**

Borang tawaran hendaklah dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" x 9" dan catatan perkatan **"TAWARAN BILANGAN PENDAFTRAN"** dibahagian atas / kiri sampul surat tersebut. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan butir-butir berikut :-

. Bilangan pendaftran yang dipohonkan.

. Harga tawaran.

. Nama penuh, alamat, bilangan kad pengenalan dan nombor telefon.

. Setiap permohonan hendaklah menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak dua puluh ringgit sahaja (B$25.00).

. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada seratus ringgit (B$100.00).

JKR/DTS/21/ BKT/2010-T/II	Kerja-kerja pembaikan tanah susur di tanah perkuburan Islam Sugan Tutong	Pemborong berdaftar dalam kelas II, III & IV di bwah kategori KB1 (Kod Baru)/ 1 (Kod Lama) sahaja	JKR/BKT-KB/TUT/206	B$30.00	Tarikh akhir mengambil : 2 November 2010 (Selasa)	Pada : 23 November 2010 hingga jam 2.00 petang

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDGKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER - SUMBER UTAMA

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada pengerusi lembaga Tawaran kecil dan masukan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPPSU, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa 2 November 2010**.

JPt/TAW/38/2010-2011 :
MEMASANG PAGAR BAGI LADANG PADI JUNJONGAN 1 DAN LIMAU MANIS DAN JUNJUNGAN 2 BAGI DAERAH BRUNEI MUARA.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang -borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran sebanyak B$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
8. *Tender shall be contractors registered with Jabatan Pertanian dan Agrimakanan and Jabatan Keraj Raya under Class III or above. Tenderes shall produce proof of registration with JKR for the said category of works.*
9. Tawaran-tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui lama web Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ***http/www.agriculture.gov.bn***

JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1. BILANGAN TAWARAN: JUA10/067/TS/BM

'TOPOGRAPHICAL AND CORRIDOR SURVEY BAGI MENAIKKAN TARAF SISTEM PERPARITAN PUSAT BANDAR JALAN KOTA BATU.'

Yuran tawaran sebanyak $30.00

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Kerja-Kerja pengukuran hendaklah dilaksanakan oleh Juruukur Tanah Berlesen yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
3. Setiap penender hendaklah menyatakan seperti berikut :
   i) Sah Laku tawaran
   ii) Tempoh masa untuk menyiapkan projek
   iii) Ringkasan tatacara untuk membuat pengukuran projek ini.
4. Borang ***Tender's Declaration*** hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani
5. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di **Unit Juruukur Tanah Berlesen, Bahagian Kemajuan Tanah Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam** dengan membayar yuran tawaran seperti yang dijadualkan dan dihantar pada hari bekerja :

Isnin hingga Khamis:
8.00 pagi hingga 11.00 pagi
2.00 petang hingga 3.00 petang
Sabtu: 8.30 pagi hingga 10.00 pagi

6. Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh jabatan ini.
7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.
8. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti di atas.
9. Tawaran hendaklah dihadapkan **tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 23 November 2010** kepada alamat berikut :-

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.
11. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan :-
    i) Sijil Pendaftaran Perniagaan
    ii) Lesen Rampaian
    iii) Kad Pengenalan / No. Pasport
    iv) Daftar Pemilik Syarikat
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 113 TAHUN 2008

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
ROSMALI BIN AWANG OMAR
BYIC No. 00-280343
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Oktober 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
ROSMALI BIN AWANG OMAR
Lot. 94 No. 4, Jalan Dipa Negara, Kampung Mumong, Kuala Belait KA1731 Negara Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 28 Jun 2008
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 11 Oktober 2010.

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **2 Oktober 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 November 2010, jam 9.45 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 November 2010, jam 9.45 pagi.**
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 11 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 172 TAHUN 2010

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH
RBAF No. 258124
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 September 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH
No. 9, Blok D, Berek Polis Muara, Police Marine BT1128 Negara Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 12 Jun 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh 11 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **18 September 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 November 2010, jam 10.15 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilash diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 November 2010, jam 10.15 pagi.**
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 11 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 132 TAHUN 2010

STANDARD CHARTERED BANK
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
AK MOHAMAD KHAIROL HADLI PG BESAR
RBAF I/C 00-311756
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Oktober 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
AK MOHAMAD KHAIROL HADLI PG BESAR
No. 55, Simpang 637-84-26-43, STKRJ Lambak Kiri BB1114 Negara Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 Ogos 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh 13 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **9 Oktober 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **1 Disember 2010, jam 2.15 petang.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **1 Disember 2010, jam 2.15 pagi.**
Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 13 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 494 TAHUN 2009

BAIDURI BANK BERHAD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
UBADAH BINTI HAJI HARUN
BYIC No. 00-125121
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
UBADAH BINTI HAJI HARUN
Lot. 94 No.13025, Kampung Bunut, Batu 5, Jalan Tutong BF1320 Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 30 Mac 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 9 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **10 Jun 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 November 2010, jam 9.00 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 November 2010, jam 9.00 pagi.**
Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 9 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 167 TAHUN 2010

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
MUHAMMAD HASWADI BIN HAJI HASIM
ABDB No. 282397
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 September 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
MUHAMMAD HASWADI BIN HAJI HASIM
Blok B, Bilik No. 5, Flat JKR, Sinarubai, Bengkurong Negara Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 5 Ogos 2010.
Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 5 Oktober 2010.

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **5 September 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **3 November 2010, jam 9.15 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **3 November 2010, jam 9.15 pagi.**
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 5 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 69 TAHUN 2009

BAIDURI BANK BERHAD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
MUHD MUZAINE BIN HJ MUHD MUHAMDA
BYIC No. 00-127556
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 September 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
MUHD MUZAINE BIN HJ MUHD MUHAMDA
H-7-29, BSP Housing Area, Panaga Seria KB3333 Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 22 April 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 5 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **4 September 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **3 November 2010, jam 9.30 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 November 2010, jam 9.30 pagi.**
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 5 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 526 TAHUN 2009

HSBC FINANCE (B) BHD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
HJ MASEMBRNN BIN HJ MASHOR
BYIC No. 00-119547
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 September 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
HJ MASEMBRNN BIN HJ MASHOR
c/o TAIB, Tutong Branch, Unit 28 Lot 13096 Bangunan Haji Abd. Malik & Anak-Anak, Kampung Petani, Tutong TA1341 Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 26 Julai 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh: 5 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **2 September 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **3 November 2010, jam 9.45 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 November 2010, jam 9.45 pagi.**
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 5 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 289 TAHUN 2009

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
MAZLAN BIN AWG HJ MOHAMMAD
RBAF No. 00-279233
… Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 September 2010.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
MAZLAN BIN AWG HJ MOHAMMAD
No. 12, Jalan 2, Simpang 20-10, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Negara Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 13 Februari 2010
Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukit hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh 5 Oktober 2010

NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA PEMIUTANG

Di bawah Perintah Pengulungan bertarikh **4 September 2010**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **3 November 2010, jam 9,00 pagi.**
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **3 November 2010, jam 9.00 pagi.**
Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.
Bertarikh: 5 Oktober 2010.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Pasukan Vivi Norizan dan Sri Kandi menjuarai Kejohanan Bola Tampar Terbuka

PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam DCP Dato Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu semasa menyampaikan piala kemenangan kepada juara pasukan lelaki Vivi Norizan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani, Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Oktober. - Pasukan lelaki Vivi Norizan dan pasukan wanita Sri Kandi masing-masing menjuarai Kejohanan Bola Tampar Terbuka Sempena Hari Polis Ke-89, yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah Polis Gadong, di sini.

Gosvo yang menjuarai bahagian lelaki tahun lalu menduduki naib juara dan tuan rumah Polis di tempat ketiga, manakala naib juara bahagian wanita disandang oleh pasukan Universal dan juara tahun lepas VB *Girls* di tempat ketiga.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah kejohanan tersebut bagi pasukan lelaki ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam DCP Dato Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, sementara penyampaian hadiah bagi pasukan wanita disampaikan oleh isteri Pemangku Pesuruhjaya Polis, Datin Hajah Kamariah binti Orang Kaya Indera Perkasa Shari.

Kejohanan yang bermula bulan Julai lepas itu juga telah menobatkan Yogi Supriadi dari pasukan Vivi Norizan sebagai *pemain terbaik* lelaki dan Rohadiatik dari pasukan Sri Kandi *pemain terbaik wanita*.

Sejumlah 14 buah pasukan lelaki dan wanita menyertai kejohanan anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Pengerusi kejohanan S/Supt Awang Mohd. Zaini bin Haji Sanip dalam ucapannya berharap penyertaan para pasukan di tahun akan datang akan terus meningkat dengan memberikan komitmen dan sikap kesukanan yang positif.

PDB katanya, amat berbangga kerana dapat mengungkayahkan kejohanan ini pada peringkat negara dan mendapat sambutan daripada pasukan-pasukan yang telah ikut serta.

Di samping itu, tambahnya, malam gala yang diadakan bertujuan untuk beramah mesra setelah pasukan-pasukan bertanding dan meraih tempat masing-masing di dalam kejohanan ini.

Sepuluh pasukan sertai Kejohanan Badminton JPM

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 25 Oktober. - Sebanyak sepuluh buah pasukan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya menyertai Kejohanan Badminton yang diadakan di Dewan Riadah Pusat Belia di ibu negara, di sini.

Hadir menyaskikan perlawanan tersebut, Setiausaha Tetap JPM, Awang Muhammad Lufti bin Abdullah.

Kategori yang dipertandingkan termasuk VIP dan Veteran 45 tahun ke atas; Bahagian II dan III; Bahagian IV dan V; terbuka lelaki dan terbuka wanita.

Manakala pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan adalah JPM, Jabatan Audit, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

ANTARA pegawai kanan yang menyertai Kejohanan Badminton Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, berlangsung di Dewan Riadah Pusat Belia. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Puspa *United* juara Kejohanan Futsal Amal

PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah semasa menyampaikan piala kepada pasukan Puspa *United* selaku juara di Kejohanan Futsal Amal setelah menumpaskan pasukan *Daf FT* dengan jaringan 3 - 0. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Oktober. - Pasukan Puspa *United* muncul juara di Kejohanan Futsal Amal Bagi Tabung Kemanusiaan Mangsa Banjir Pakistan setelah menumpaskan pasukan *Daf FT* dengan jaringan 3 - 0.

Kemenangan Puspa *United* ini bagaikan penebus kekecewaan setelah tewas dalam pusingan pertama kepada pasukan *Daf FT* 0 - 1 tempoh hari.

Kedua-dua pasukan yang bermain lebih berhati-hati mengekalkan kedudukan tanpa jaringan di separuh pertama, namun kelincahan Maududi Helmi memecah rentak permainaan apabila berjaya menjaringkan gol pertama dan diikuti jaringan keduanya.

Puspa *United* melengkapkan jaringan ketiganya sekali gus mengesahkan kemenangan menerusi jaringan Firazizi Nazim.

Hadir menyaksikan dan menyempurnakan penyampaian hadiah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh UBD Futsal *Team* setelah menundukkan pasukan Kota *Junior* dengan jaringan 1-0 dalam perlawanan awal tadi.

Kejohanan yang bermula 15 Oktober lepas disertai oleh 16 buah pasukan dan dibukakan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini dibahagikan kepada empat kumpulan itu bertujuan untuk membantu mengutip sumbangan kewangan bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Pakistan melalui aktiviti-aktiviti sukan.

Kejohanan ini juga antara lain bertujuan untuk menggalakkan masyarakat serta orang ramai untuk bergiat aktif dalam sukan bagi meningkatkan kesihatan, kesejahteraan dan daya ketahanan fizikal serta mental.

Hasil kutipan akan didermakan seratus peratus kepada tabung tersebut.

Kejohanan dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Bolasepak Negara Brunei Darussalam (FFBD) dan Jawatankuasa Pengadilan Futsal.

TDDB juara Kejohanan Renang dan Polo Air ABDB

Berita dan Foto : Shari Haji Garib

PERKHEMAHAN PENANJONG. - Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) menjuarai keseluruhan Kejohanan Renang dan Polo Air Peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), berlangsung di Kolam Renang Penanjong Garison pada 20 Oktober lepas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah, Pemangku Pemerintah ABDB, Kolonel (L) Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah.

Naib johan dimenangi oleh Rejimen Pasukan Khas (RPK) dan tempat ketiga diraih oleh Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Acara-acara yang dipertanding di Kejohanan Akhir Renang dan Polo Air adalah renang 4x50 meter gaya bebas; renang 4x50 meter gabungan peringkat; acara khas berkayak dua orang berpasukan dan kejohanan polo air.

Bagi acara 4x50 meter gaya bebas, perlawanan dijuarai oleh TLDB, manakala acara 4x50 meter gabungan peringkat dijuarai oleh TDDB dan acara khas berkayak dijuarai oleh TLDB.

Sementera Kejohanan Polo Air pula dijuarai oleh TDDB setelah berjaya menundukkan RPK 4-3.

Kejohanan yang merupakan aktiviti tahunan ABDB bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara unit-unit ABDB selain mencari bakat bagi mewakili pasukan ABDB.

Kejohanan tersebut disertai oleh lima pasukan iaitu TDDB, RPK, TLDB, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan Institut Latihan ABDB.

Turut hadir ialah pemerintah-pemerintah tentera, komandan, pengarah-pengarah tentera dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

PEMANGKU Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kolonel (L) Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohd. Hanifah semasa menyampaikan hadiah kepada sebuah pasukan pada Kejohanan Renang dan Polo Air Peringkat ABDB, berlangsung di Kolam Renang Penanjong Garison.

Projek penanaman padi seluas 70 hektar dilancarkan

Dari muka 1

Majlis pelancaran berlangsung sejurus selepas menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lumapas 'A' dan Kampung Mata-Mata (Katok 'B'), Gadong bagi Daerah Brunei dan Muara, di Dewan Sekolah Vokasional Wasan, Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu.

Di majlis pelancaran itu baginda berkenan menandatangani plak pelancaran serta menyaksikan kerja-kerja pembukaan kawasan berkenaan.

Keberangkatan tiba baginda dengan diiringi oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang juga Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Dr. Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dijunjung berangkat menyaksikan pameran mengenai kawasan-kawasan baru yang dibuka yang dikenal pasti di Daerah Brunei dan Muara dan pameran pengurusan penanaman padi.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani plak pelancaran (kanan). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meninjau kawasan penanaman padi (kiri). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

KEBAWAH DYMM meneliti buku yang dipamerkan semasa menyaksikan pameran mengenai kawasan-kawasan baru yang dibuka yang dikenal pasti di Daerah Brunei dan Muara dan pameran pengurusan penanaman padi (kanan). - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Merapatkan perbezaan pendapat dan persepsi

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah mewakili rombongan Negara Brunei Darussalam di Konvensyen Sukan Olimpik Sedunia Kali Pertama sempena Mesyuarat Lembaga Eksekutif Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Perhimpunan Umum Persatuan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (ANOC), di Acapulco, Mexico pada 23 Oktober lepas. - Foto : Ihsan KKBS

MEXICO. - Konvensyen Sukan Olimpik Sedunia dihasratkan dapat merapatkan jurang perbezaan pendapat dan persepsi mengenai peranan serta tanggungjawab kerajaan dan Badan Olimpik Kebangsaan serta Badan-Badan Sukan Antarabangsa dalam pembangunan sukan Olimpik dengan semangat persahabatan, perpaduan dan keamanan.

Perkara tersebut ditekankan dalam resolusi Konvensyen Sukan Olimpik Sedunia Kali Pertama yang berlangsung sempena Mesyuarat Lembaga Eksekutif Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Perhimpunan Umum Persatuan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (ANOC) yang diadakan di Acapulco, Mexico pada 23 Oktober lepas.

Rombongan Negara Brunei Darussalam ke konvensyen itu yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Konvensyen bertemakan *'Perpaduan dan Kerjasama Baik Antara Pihak Berkuasa Awam dan Jawatankuasa Olimpik Kebangsaan (NOC) Dalam Pergerakan Sukan'* (*Unity And Better Co-operation Between Public Authority And National Olympic Committees (NOCs) In The Sports Movement*) itu dibuka rasmi oleh Datuk Bandar Mexico, Yang Berhormat Marcedo Ebrad dan dipengerusikan oleh Presiden ANOC, Mario Vazquez Rana.

Konvensyen ini juga dihadiri oleh menteri-menteri sukan serta perwakilan dari 94 buah negara dan kira-kira 200 perwakilan NOC.

Turut hadir ialah Presiden IOC, Dr. Jacques Rogge, dan beberapa perwakilan dari Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), *Olympic Solidarity dan World Anti-Doping Association* (WADA).

Konvensyen tersebut juga menyampaikan ucapan tahniah kepada Mexico sebagai tuan rumah dan kepada Presiden ANOC di atas inisiatifnya mengumpulkan menteri-menteri sukan dan presiden-presiden NOC dari lima buah benua ke konvesyen yang julung kalinya diadakan ini.

Semasa perbincangan, semua pihak sependapat bahawa kerjasama di antara pihak kerajaan dengan pihak NOC sewajarnya bersandarkan sikap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Pihak NOC juga menekankan betapa pentingnya prinsip tidak campur tangan dari pihak kerajaan, bagaimanapun menyedari bahawa mereka perlu bertindak dengan penuh rasa bertanggungjawab dan beretika tinggi.

Sementara itu menteri-menteri sukan bagi pihak kerajaan terus menekankan bahawa pihak NOC tidak boleh lari atau melanggar undang-undang sesebuah negara di bawah dasar tidak campur tangan kerajaan.

Konvensyen ini juga membincangkan beberapa isu dalam pembangunan sukan di peringkat global seperti *doping dalam sukan*, *pendidikan Olimpik bagi masyarakat sihat*, *sukan dalam memelihara alam sekitar* dan *pembangunan sukan bagi wanita.*

Di akhir perbincangan, menteri-menteri sukan dan presiden-presiden NOC bersetuju kepada resolusi yang menekankan perlunya tindakan berterusan ke arah merapatkan persefahaman dan keharmonian antara kedua-dua belah pihak dalam usaha membangun masyarakat yang sihat dan aktif melalui program-program sukan untuk masyarakat dan sukan untuk kecemerlangan ke arah kepentingan generasi akan datang khususnya golongan belia.

Selain dari itu konvensyen itu juga mengakui sumbangan positif dan pelaburan tinggi pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan sukan dan memperkembangkan sukan melalui sistem pendidikan adalah merupakan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pewujudan masyarakat cermerlang.

Konvensyen juga melahirkan penghargaan terhadap peranan pihak NOC dalam menerajui pembangunan sukan berasaskan semangat Olimpik.

Kedua-dua belah pihak juga diseru agar dapat terus berkomunikasi dan bekerjasama secara telus (*transparent*) di dalam merancang dan melaksanakan program-program sukan.

Menteri-menteri sukan dan presiden-presiden NOC seterusnya menekankan perlunya usaha bagi meningkatkan kesedaran terutamanya di kalangan atlet di dalam menangani isu *doping* dalam sukan, menyokong penuh usaha ke arah meningkatkan penglibatan kaum wanita di dalam sukan, dan mengambil usaha padu melindungi alam sekitar dalam penganjuran sukan.

Para menteri sukan dan presiden-presiden NOC juga berharap agar Resolusi Konvensyen Sukan Olimpik Sedunia Kali Pertama ini akan terus dibincangkan di Konvensyen Sukan Olimpik Sedunia Kali Ke-2 yang dijangka akan diadakan di London pada tahun 2012 bersempena Sukan Olimpik London 2012.

'SELAMAT MENUNAIKAN IBADAT HAJI'

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقئن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.